



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسٹر ایمان

"ALLAH meninggikan darjah orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) - beberapa darjah. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."

- (Surah Al Mujaadilah ayat 11).



WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 SUBUH 4.52 SYURUK 6.09 DUHA 6.32 ZUHUR 12.14 ASAR 3.22 MAGHRIB 6.16 ISYAK 7.25 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 115

23 SEPTEMBER 2024 / 1446

19

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

KEBAWAH DYMM BERANGKAT TIBA DI NEW YORK CITY, AS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di New York City, Amerika Syarikat (AS) bagi menghadiri Summit of the Future at the 79th Session of the United Nations General Assembly yang akan berlangsung pada Ahad di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3).



Berita Utama



KONGSI pengalaman kepimpinan

Muka 6



PESERTA Kursus Skim Kefahaman Al-Quran terima sijil

Muka 9

Perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan Arab Saudi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi; dan Duli Yang Teramat Mulia Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Penjaga Dua Masjid Suci, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Arab Saudi; dan Duli Yang Teramat

Mulia Prince Mohammed bin Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Putera Mahkota dan Perdana Menteri Kerajaan Arab Saudi dan kerajaan serta rakyat Arab Saudi sempena dengan Ulang Tahun Hari Kebangsaan negara berkenaan.



MANFAATKAN terapi seni dalam penjagaan kesihatan mental

Muka 12



UTARA Coast

INDUSTRI KOTEJ

Muka 19



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Perasmian Majlis Ilmu 2024 sempena Hari Keputeraan baginda Ke-78 Tahun, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Rabu, 18 September 2024.

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh*

*Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyafarfil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.*

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul di Majlis Ilmu yang penuh dengan keberkatan ini.

Beta juga amat gembira dan bersyukur kerana dengan inayah Allah jua Majlis Ilmu dapat dilaksanakan pada setiap tahun.

Beta melihat Majlis Ilmu sejak ia mula

Kesihatan mental nikmat yang wajib dijaga

diadakan telah banyak mengongsikan pelbagai ilmu dan maklumat yang sangat berfaedah.

Beta difahamkan tema majlis Ilmu tahun ini berbunyi 'Menangani Gejala Mental'.

Pada hemat beta tema ini sangat signifikan, kerana penyakit mental, sama ada di peringkat nasional maupun global adalah semakin meningkat.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) sahaja, seramai 13,246 orang dicatatkan telah menerima rawatan, berbanding 11,231 orang pada tahun lepas. Perkara ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja berlaku di kalangan orang awam, bahkan juga di kalangan penjawat awam dan pelajar sekolah. Oleh itu, ia mestilah ditangani oleh pihak-pihak berkepentingan di negara ini.

Orang-orang yang mengalami keceleruan mental biasanya menghadapi gangguan emosi dan pemikiran, dan sekali gus boleh mengganggu hubungan sosial mereka dengan orang lain.

Sebab itu, mental yang sihat adalah diperlukan, untuk seseorang dapat mengurus emosi dan menikmati kehidupan. Sebaliknya seseorang yang mempunyai keceleruan mental tidak akan dapat berbuat demikian, bahkan akan gagal untuk menangani sebarang cabaran.

Menurut ajaran agama Islam, kesihatan fizikal dan kesihatan mental adalah merupakan anugerah dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang wajib dijaga sebagai salah satu maqasid syariah.

Dalam konteks NBD, ikhtiar menangani gejala mental telah dan sedang dilaksanakan. Antaranya kerajaan beta telah meningkatkan jumlah pegawai psikologi dan menambahkan

masa perkhidmatan Talian Harapan 145 iaitu talian bantuan dan sokongan kesihatan mental kepada 24 jam setiap hari.

Adalah menjadi harapan beta, usaha-usaha bersepada daripada pihak kesihatan dan pihak agama akan diteruskan untuk sama-sama menangani isu-isu kesihatan mental.

Dalam hal ini, beta gembira mengetahui bahawa usaha-usaha bersepada daripada pihak kesihatan, pihak agama dan pihak perkhidmatan awam dengan sokongan badan-badan bukan kerajaan (NGOs) telah menjalankan beberapa program, antaranya Jerayawara Kesihatan Mental di Tempat Kerja, di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang memfokus kepada pendidikan kesihatan mental dan perspektif Islam dan sains.

Beta juga difahamkan pada masa ini salah satu tindakan utama di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental NBD 2022 - 2025, iaitu Program Latihan Asas Kesihatan Mental Untuk Pimpinan Masyarakat, khusus kepada para imam, ustaz dan da'i, yang menggabungkan ilmu rawatan saintifik dan kerohanian, telah dijalankan secara kerjasama di antara pihak kesihatan dan pihak ugama.

Pada hemat beta, perkara ini juga, masih perlu dipantau dan difikirkan keberkesanannya, atau jika ada cara lain yang lebih berkenan.

Pada kesempatan ini, beta berseru, kepada ahli keluarga dan anggota masyarakat supaya turut sama-sama bertanggungjawab dan berperanan dalam membantu dan menyokong pesakit dalam proses pemulihan atau penyembuhan.

>> Muka 5

SIDANG PENGARANG 23 SEPTEMBER 2024

Komitmen, dedikasi guru mendidik anak bangsa

SETIAP 23 September merupakan tarikh yang dipilih bagi mengiktiraf sumbangan jasa para guru di negara ini. Jasa mereka untuk membentuk generasi penerus bangsa, memberikan ilmu pengetahuan, serta mendidik sikap dan kelakuan anak murid tidak dapat dipertikaikan lagi.

Menjadi seorang guru bukanlah pekerjaan yang mudah dan ia memerlukan komitmen serta dedikasi yang tinggi. Bahkan masa mereka lebih banyak dihabiskan dengan pelajar mereka di sekolah dibandingkan bersama keluarga. Pengorbanan serta semangat mereka ini perlu menjadi contoh bagi generasi akan datang dan sebagai bukti bahawa guru berperanan besar dalam membentuk generasi penerus bangsa.

Guru-guru yang komited sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi dan pengetahuan serta memperkasa kemahiran selaras dengan perubahan sistem pendidikan tempatan dan antarabangsa. Transformasi digital dalam pendidikan telah menyediakan platform yang sesuai sebagai alternatif kepada para guru untuk meneroka pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknologi yang canggih dan terkinin.

Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran persaingan global yang semakin sengit, kita tidak boleh laik. Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap pelajar mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi globalisasi kini.

Kualiti pengajaran merupakan wahana paling berkesan untuk mentransformasikan pendidikan rendah dan menengah, dan selanjutnya meningkatkan keberhasilan para pelajar. Dalam hal ini kita dapat melihat kesungguhan dan sifat ingin melihat pelajar berjaya semasa pandemik COVID-19, di mana guru-guru sentiasa mencari inisiatif bagi membolehkan para pelajar mereka dapat menerima ilmu pengetahuan meskipun ketika itu sekolah ditutup sementara.

Pelaksanaan perubahan besar terhadap keseluruhan sistem pendidikan semasa untuk melonjakkan pencapaian semua pelajar dapat dilihat daripada pengajaran biasa hingga secara digital. Oleh yang demikian, transformasi pendidikan perlu menjurus kepada usaha untuk memahami dan menambah baik dinamik proses pengajaran dan pembelajaran.

Tanggungjawab membentuk para pelajar bukan hanya terletak pada guru tetapi selaku ibu bapa serta masyarakat perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan guru-guru untuk membentuk anak-anak menjadi insan cemerlang dan berkualiti pada masa hadapan. Daripada ibu bapa, anggota masyarakat sehingga sektor swasta, kita semua mempunyai peranan dalam meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara yang akan membantu menyemai benih kejayaan anak kita, yang dapat kita laksanakan dengan bangganya.

Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara maju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Tidak kurang pentingnya, setiap pelajar di negara kita perlu diterapkan dengan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara, agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat untuk diri mereka, keluarga dan negara, serta berupaya mengharungi dan mengatasi cabaran masa depan. Selamat Hari Guru kepada semua pendidik. Jasa awda sangat kami hargai! - Ketua Penyuntingan (Ri)

WAKTU SEMBAHYANG											
September	MASIH	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	ISNIN	19	4 . 42	4 . 52	6 . 09	6 . 32	12 . 14	3 . 22	6 . 16	7 . 25	
24	SELASA	20	4 . 42	4 . 52	6 . 09	6 . 31	12 . 13	3 . 22	6 . 15	7 . 24	
25	RABU	21	4 . 42	4 . 52	6 . 09	6 . 31	12 . 13	3 . 22	6 . 15	7 . 24	
26	KHAMIS	22	4 . 42	4 . 52	6 . 09	6 . 31	12 . 13	3 . 22	6 . 14	7 . 23	
27	JUMAAT	23	4 . 42	4 . 52	6 . 08	6 . 31	12 . 12	3 . 22	6 . 14	7 . 23	
28	SABTU	24	4 . 41	4 . 51	6 . 08	6 . 31	12 . 12	3 . 22	6 . 14	7 . 22	
29	AHAD	25	4 . 41	4 . 51	6 . 08	6 . 30	12 . 12	3 . 22	6 . 13	7 . 22	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
33 25 °C Pekan Bangar	32 25 °C Pekan Tutong	30 23 °C
33 25 °C Kuala Belait	32 25 °C Kuala Belait	30 23 °C
33 25 °C Wallahualam Bissawab	32 25 °C Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	30 23 °C

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربینک اوله جاین فراغن، جاین فردن منtri دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berangkat tiba di New York City, AS

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman

NEW YORK CITY, AMERIKA

SYARIKAT, Sabtu, 21 September.

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berangkat tiba di New York City, Amerika Syarikat (AS) bagi menghadiri Summit of the Future at the 79th Session of the United Nations General Assembly yang akan berlangsung pada Ahad di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka-paduka

anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam (NBD) ke AS, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Serbini bin Haji Ali; dan Pemangku Wakil Tetap NBD ke PBB di New York, AS, Dayang Izzat Hayati binti Haji Zakaria.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima junjung ziarah.



BRUNEI DPMM FC BANGKIT TUNDUKKAN TAMPINES ROVERS FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan Perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL). Berangkat sama paduka adinda DYTM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

BERAKAS, Ahad, 22 September.

- Pasukan Brunei DPMM FC meraih tiga mata penuh selepas menewaskan Tampines Rovers FC dengan jaringan 3 - 2 pada Perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung di Stadium Negara

Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman; dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Brunei DPMM FC berjaya mendahului permainan pada

babak pertama apabila pemain importnya, Miguel Oliveira dengan pantas mengambil peluang menembusi pertahanan lawan yang agak longgar melalui sepakan pada minit ke-14.

Walau bagaimanapun, sebaik sahaja babak kedua bermula, Tampines Rovers FC mula menunjukkan aksi cemerlang apabila berjaya menjaringkan gol pertama pada minit ke-48

menerusi jaringan Glenn Kweh dan menggandakan jaringan pada minit ke-59 hasil jaringan Boris Kopitovic.

Brunei DPMM FC kembali bangkit memberikan tentang apabila Nazirrudin Ismail menyamakan kedudukan pada minit ke-84.

Miguel Oliveira sekali lagi menggegarkan gawang Tampines Rovers FC dengan menjaringkan gol kemenangan pada minit ke-86 dan keputusan perlawanannya kekal 3 - 2 sehingga ke wisel penamat.



TURUT berangkat anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, sebahagian daripada yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

YTM BERANGKAT KE CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2024



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Sabtu, 21 September. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan berangkat ke Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024 sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengerusi

Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024 iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 serta isteri-isteri Pengurus Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Acara diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2024 yang antara lain menyembahkan, Majlis Ilmu tahun 2024 membawa tema 'Menangani Gejala Mental', yang memfokuskan kepada pemahaman mengenai isu dan punca gejala mental, termasuk usaha-usaha dan Pendekatan Senegara ataupun Whole of Nation Approach dalam menangani gejala mental di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, tema Majlis Ilmu pada tahun ini akan dapat mengukuhkan lagi pelaksanaan Brunei Darussalam Mental Health Action Plan 2022 - 2025, seterusnya mencapai matlamat Sustainable Development Goal Ke-3 (SDG3), 'Good Health and Well-Being' di peringkat global.

"Ilmu pengetahuan, kefahaman dan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai gejala mental adalah sangat penting untuk membantu sesebuah negara dalam menangani dan mengekang gejala mental daripada berleluasa. Kesedaran dan penjagaan kesejahteraan mental adalah perlu untuk membolehkan individu menjalani kehidupan sehari-hari yang seimbang, walau apa jua cabaran yang dihadapi. Penguasaan ilmu,

Oleh: Aimi Sani
Foto: Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

termasuk ilmu kerohanian, boleh memperkasa mental agar ia 'kalis pengaruh' daripada kesan negatif serta risiko penyakit mental.

"Secara amnya, penjagaan kesejahteraan mental yang jitu adalah merupakan asas bagi pembentukan kedayatahanan mental dan sahsiah setiap individu. Seterusnya, ia akan dapat menyumbang kepada impak positif terhadap sinergi keharmonian dalam masyarakat, keupayaan membuat keputusan berdasarkan *informed-choice* dan melahirkan tenaga-tenaga kerja yang lebih produktif," sembah Yang Berhormat lagi.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Berhormat seterusnya melahirkan harapan agar pengisian ceramah ini nanti, akan dapat menghasilkan pengaruh yang positif kepada kesemua yang hadir khususnya bagi kaum wanita dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai gejala mental. Ini juga diharap akan dapat menggalakkan semua yang hadir untuk mengambil peranan masing-masing dan melaksanakan tindakan yang konstruktif dalam menjaga kesihatan mental diri sendiri, keluarga, dan masyarakat sekeliling.

Acara kemudiannya, diteruskan dengan sesi Ceramah Perdana bertajuk 'Pentingnya Kesedaran: Mengutamakan Kesihatan Mental dalam Dunia Moden' yang disampaikan oleh penceramah undangan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Mizium Holdings Pte. Ltd., Awang Muhammad Tarmizi bin Abdul Wahid.

Dalam ceramahnya, Awang Muhammad Tarmizi meneroka isu-isu yang sangat relevan bagi wanita dalam dunia kerja, khususnya berkaitan dengan gejala mental yang sering dihadapi dalam mengimbangi pelbagai tanggungjawab seperti kerjaya, keluarga dan kehidupan peribadi.

Berdasarkan tema 'Menangani Gejala Mental', ceramah ini

turut memberi tumpuan kepada mengenal pasti punca-punca utama gangguan mental serta kaedah-kaedah pencegahan, rawatan dan pemulihan yang komprehensif.

Pendekatan holistik yang menggabungkan intervensi perubatan dan rawatan kerohanian akan dibincangkan, dengan memberi penekanan kepada cara-cara yang praktikal untuk wanita dalam menangani tekanan, menguruskkan emosi dan memulihkan semangat setelah menghadapi cabaran dan kemunduran.

Antara objektif utama ceramah adalah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan wanita mengenai pentingnya kesihatan mental dalam kehidupan sehari-hari serta cara-cara untuk mengatasi cabaran emosi dan tekanan dalam menguruskkan pelbagai tanggungjawab.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menggalakkan sokongan dalam kalangan wanita untuk saling membantu dan menyokong satu sama lain dalam menjaga kesihatan mental, dengan memberi penekanan kepada pendekatan yang sesuai dan bermanfaat untuk wanita.

Ceramah ini diharapkan dapat memberi impak positif yang berkesan, membantu wanita untuk bukan sahaja memahami isu kesihatan mental dengan lebih mendalam tetapi juga memberikan mereka alat-alat praktikal untuk menghadapi dan menguruskkan tekanan dalam kehidupan sehari-hari dengan lebih baik.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyaksikan pameran (atas). Manakala gambar bawah, suasana sekitar Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2024.



PENCERAMAH undangan, Ketua Pegawai Eksekutif Mizium Holdings Pte. Ltd., Awang Muhammad Tarmizi bin Abdul Wahid ketika menyampaikan Ceramah Perdana bertajuk 'Pentingnya Kesedaran: Mengutamakan Kesihatan Mental dalam Dunia Moden' (atas). Sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BERSYUKUR MENJADI UMAT NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 September. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sangat kasih dan sayang kepada umat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Setiap kali ada peluang untuk menyelamatkan umat Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam akan menggunakannya. Ini menunjukkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai kedudukan yang sangat tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka bersyukurlah menjadi salah seorang umat Islam bahkan menjadi salah seorang umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perkara berkenaan antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Muiz bin Haji Amat, dari Masjid Kampung Bengkung.

Acara Malam Munajat berkenaan mengundang tetamu khas, Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Royal Brunei (RB), Awang Haji Badarudin bin Haji Bagol, yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau Royal Brunei Airlines Campus.

Turut mengimarahkan acara Malam Munajat berkenaan ialah warga kerja RB, Kumpulan Belia

Masjid Balai Ibadat Kampung Merangking, Daerah Belait; Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah dari Masjid Kampung Bengkung; Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong; dan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok; serta dari masjid-masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara berjumlah 71 buah.

Juga turut serta ialah warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang menyertai secara maya dari kediaman masing-masing.

Selaras bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini, dari Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, Awang Morni bin Haji Nayan, dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku Katok.

Selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Asma Al-Husna beramai-ramai dipimpin oleh Awang Ahmad Rifa'e bin Mohd. Fauziee, Kumpulan Belia Masjid, Balai Ibadat Kampung Merangking, dari Balai



TURUT menyertai Malam Munajat berkenaan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi, Royal Brunei (RB), Awang Haji Badarudin bin Haji Bagol selaku tetamu khas yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau Royal Brunei Airlines Campus.

Ibadat Kampung Merangking.

Sebelum mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat II, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Awang Md. Hijrul Nizam bin Alawi.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk

bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat serta penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu, malam Ahad melalui pautan <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Doa Kesukuran sempena Sambutan Hari Guru Ke-34



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Doa Kesukuran Bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Manakala Doa Kesukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murad.

Majlis juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan termasuk guru-guru dari sekolah-sekolah, maktab-maktab, institusi-institusi pengajaran tinggi dan teknikal di bawah KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Majlis Doa Kesukuran merupakan sebahagian daripada acara keagamaan bersempena dengan Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh KHEU dan Kementerian Pendidikan.

Tema bagi Sambutan Hari Guru pada tahun ini ialah 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Sebagai mengambil sukut baik, Majlis Ilmu tahun ini, turut diisi dengan Majlis Pelancaran dua buku bertajuk 'Menyambut Hari Keputeraan Raja Dengan Semangat Ilal Hijrah' dan buku, 'Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi: Buku Doa dan Zikir'. Beta ucapan tahniah atas usaha yang bernilai dan bermanfaat ini.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada pengajar dan semua Ahli Jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebajikan ini. Amiiin.

Dengan lafadz *Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Allaahumma Shallii 'Alaa Sayyidina Muhammad, Wa 'Alaa Aalihi Wasahbihee Wasallim*, beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk 'Menyambut Hari Keputeraan Raja Dengan Semangat Ilal Hijrah' dan buku 'Amalan Penjagaan Kesejahteraan Minda dan Emosi: Buku Doa dan Zikir' dan sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2024 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 September. - Bersempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-34, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Doa

Kesyukuran bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin. Juga hadir, Naib-naib Canselor

HADIR sama pada Majlis Doa Kesukuran berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan.



KONGSI PENGALAMAN KEPIMPINAN



■ Siaran Akhbar dan Foto : Curious Mind

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar telah menghadiri bersama lebih 150 pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Program Future Leaders Academy (FLY) dalam membincangkan pandangan mengenai pengalaman kepimpinan Yang Berhormat, baru-baru ini.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle serta Pengurus Kanan UBD.

Semasa sesi program tersebut Yang Berhormat mengimbas kembali kerjaya awal yang membawa kepada kedudukannya hari ini, dengan mengutip nilai kerja keras,

mengambil inisiatif dan merebut setiap peluang untuk melakukan tanggungjawab dengan terbaik.

Dalam sesi soal jawab bersama pelajar, Yang Berhormat turut menekankan kepentingan belia untuk membangunkan kemahiran berfikir kritis kerana generasi ini mempunyai akses kepada lebih banyak pengetahuan berbanding sebelum ini.

"Jangan hanya membuang jaringan luas apabila awda memperoleh pengetahuan. Awda perlu bersungguh-sungguh untuk menapis perkara yang berguna dan benar," ujar Yang Berhormat.

Antara topik yang meluas mengenai kepimpinan yang dibincangkan semasa perbualan, Yang Berhormat berkongsi

pengalamannya tentang bagaimana membantu memimpin negara dalam memerangi COVID-19.

Yang Berhormat telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dan sokongan semua kementerian untuk berganding bahu dan dedikasi semua pihak untuk membantu mengatasi krisis bersama-sama.

"Antara strategi itu ialah penekanan terhadap tindakan yang tepat pada masanya dan pantas untuk menyingsirkan berita palsu melalui Sidang Akhbar yang disiarkan secara nasional setiap hari," terang Yang Berhormat.

Dengan ini, Yang Berhormat mengambil kesempatan untuk membincangkan peranan Kementerian Kesihatan dalam membantu mencapai Wawasan Brunei 2035 bagi matlamat



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menghadiri bersama lebih 150 pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada Program Future Leaders Academy (FLY) dalam membincangkan pandangan mengenai pengalaman kepimpinan Yang Berhormat (kiri dan atas).

memastikan kualiti hidup yang tinggi melalui penjagaan kesihatan dan mencapai standard kesihatan dan keselamatan bertaraf dunia bermula dengan peningkatan ketelusan dalam hospital.

Sistem Pelaporan Insiden (Incident Reporting System) sebagai contoh, membolehkan akses terus kepada mana-mana kakitangan penjagaan kesihatan di hospital di seluruh daerah untuk menyatakan idea mereka untuk penambahbaikan. Maklumat tersebut kemudiannya dinilai dan diambil tindakan dengan pantas untuk penambahbaikan dengan mesyuarat tetap di setiap hospital.

Proses memupuk maklum balas dari bawah menghasilkan pembelian dan pemilikan yang

lebih baik untuk pelaksanaan perubahan dalam sistem penjagaan kesihatan.

FLY ialah program kepimpinan yang disusun oleh Curious Mind untuk membantu pelajar mengasah pengalaman kerja sebenar dan kemahiran insaniah dengan menghubungkan mereka dengan pemimpin masyarakat. Program ini disokong oleh 14 penaja, termasuk Penaja Platinum BLNG, McDonald's, TotalEnergies dan Penaja Emas, CIC Environmental Services dan Imagine.

Menurut kurator program Shaun Hoon, ini merupakan tahun kedua Curious Mind menjalankan Program FLY di negara ini. Program ini dijalankan secara bulanan di setiap institusi selama empat minggu.

AFSA, AE Jaya Enterprise meterai kerjasama



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) hari ini menandatangani Perjanjian Kerjasama dengan AE Jaya Enterprise berlangsung di Banglo milik AFSA, Jalan Kebangsaan.

Penandatanganan perjanjian tersebut diwakili oleh Timbalan Yang Di-Pertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, manakala Awang Aziz bin Awang Jaya menandatangani bagi pihak AE Jaya Enterprise.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, juga selaku Ketua Kampung Belimbing.

AE Jaya Enterprise merupakan Rakan Seliaan (RS) yang bergiat aktif dengan perusahaan pertukangan kayu.

Melalui penandatanganan tersebut, Awang Aziz akan beroperasi di Banglo milik AFSA di Jalan Kebangsaan di mana tempat ini memberikan suasana yang kondusif kepada beliau untuk mengungkayahkan pertukangannya dengan jayanya.

Beliau akan beroperasi selama 2 hingga 3 tahun bersama AFSA dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditandatangani berkenaan.

Selepas selesai menandatangani perjanjian, tetamu kehormat dibawa melihat sekitar perusahaan pertukangan tersebut dan tanaman sayur-sayuran di dalam 'Green House'.

Timbalan Yang Di-Pertua AFSA, berharap agar perjanjian yang dimeterai pada hari ini akan memberikan wahanan yang positif

bagi Awang Aziz terus maju dan dapat mengembangluaskan lagi hasil-hasil produk beliau di negara ini.

Turut hadir ialah Yang Di-Pertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd Jaya, Timbalan Ketua Pusat Reintegrasi, Ketua Kampung Mentiri, Jawatankuasa AFSA, Rakan Seliaan dan para media.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga selaku Ketua Kampung Belimbing hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan Perjanjian Kerjasama di antara Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) dengan AE Jaya Enterprise yang berlangsung di Banglo milik AFSA, Jalan Kebangsaan dan seterusnya tetamu kehormat dibawa melihat sekitar perusahaan pertukangan tersebut dan tanaman sayur-sayuran di dalam 'Green House' (atas kanan, atas kiri dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association



TINGKATKAN PENDIDIKAN DIGITAL UNTUK SEMUA PERINGKAT UMUR



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan ucapan pada Majlis Meraikan Ulang Tahun Kedua Makmal Inovasi Brunei (Brunei Innovation Lab - BIL) di Amphitheatre Bangunan KHUB (atas dan atas kanan).

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hasif Matzin

ANGGEREK DESA, Sabtu, 21 September. — Inovasi merupakan asas untuk memupuk pembangunan ekonomi yang mampan, meningkatkan kualiti hidup, dan membantu meletakkan diri dalam ekonomi global serantau dan lebih luas.

Memupuk persekitaran yang inovatif juga menyumbang kepada peningkatan pembelajaran dan pembangunan kemahiran yang penting untuk menghadapi cabaran masa depan. Negara yang mengutamakan inovasi juga lebih berkemungkinan menarik Pelaburan Langsung Asing, kerana ia juga mencerminkan dinamik dan progresif pasaran.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha berucap semasa Majlis Meraikan Ulang Tahun Kedua Makmal Inovasi Brunei (Brunei Innovation Lab - BIL) di Amphitheatre Bangunan KHUB.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan BIL telah ditubuhkan sebagai hasil sebahagian daripada

Pelan Induk Ekonomi Digital Brunei Darussalam 2025.

“Terima kasih kepada empat rakan strategik yang terdiri daripada Brunei Shell Petroleum (BSP), Shell LiveWIRE Brunei, DST Digital (DST) dan Darussalam Enterprise (DARe), BIL telah dirasmikan pada Julai 2022 dengan matlamat untuk membantu memacu inovasi teknologi merentasi pelbagai sektor melalui pengumpulan teknologi dan sumber industri yang tersedia untuk menyokong usahawan teknologi.

“Menawarkan mereka batu loncatan untuk melancarkan dan mempercepatkan perniagaan mereka dengan akses lanjutan kepada platform untuk membangun, menguji dan membawa ke pasaran kes penggunaan baharu dan seterusnya melancarkan potensi inovasi pada masa kini dan masa hadapan,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan BIL berfungsi sebagai fasilitator ekosistem tempatan untuk menggalakkan pembangunan *technopreneur* melalui rangkaian

yang terdiri daripada pemaju, syarikat permulaan (*startups*), perusahaan, akademik dan institusi kerajaan yang juga membawa kepada perkongsian pengetahuan dan penyelesaian masalah secara kolektif.

Merujuk kepada Laporan Indeks Inovasi Global 2023 yang dikeluarkan Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (WIPO), jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah mencatatkan peningkatan prestasi dalam bidang input inovasi seperti graduan pendidikan, sains dan kejuruteraan dan akses ICT. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa bidang yang memerlukan penambahbaikan, seperti dalam bidang perbelanjaan R&D dan pekerjaan berintensifkan pengetahuan.

Pada masa yang sama, bidang lain yang memerlukan perhatian adalah dalam aspek hasil atau *output* inovasi seperti output kreatif, *output* pengetahuan dan teknologi dan kecanggihan pasaran.

Menurut Yang Berhormat lagi, perkara ini turut ditekankan dalam penilaian Digital Innovation Profile for Brunei Darussalam yang dijalankan oleh AIIT

dengan kerjasama Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) pada penghujung tahun 2022, yang menilai kapasiti dan tahap kematangan inovasi digital ekosistem NBD terutamanya dalam mewujudkan ekosistem yang mampu membina keupayaan baharu, berdaya saing, mampan dan masa depan yang didayakan oleh inovasi ICT.

Antara cadangan yang sedang ditangani dan akan ditangani termasuk mengukuhkan komuniti inovasi digital, rangkaian dan platform untuk menggalakkan budaya keusahawanan, pelaburan dan seterusnya meningkatkan kesediaan teknologi.

Oleh itu, tambah Yang Berhormat peranan BIL berada di barisan hadapan dalam menangani beberapa jurang yang dikenal pasti ini. Di mana kita mesti menumpukan pada menterjemah *input* yang kukuh, seperti pendidikan dan infrastruktur digital, kepada *output* yang memberi impak yang menjana faedah ekonomi dan masyarakat jangka panjang.

“BIL telah menjadi pemangkin yang tidak ternilai dalam usaha ini. Dengan menyediakan ruang khusus untuk eksperimen,



pembelajaran, dan kolaborasi, makmal ini telah membolehkan idea syarikat permulaan, usahawan, dan perniagaan menjadikan kenyataan.

“Ia telah menunjukkan kerjasama awam-swasta dan menunjukkan bagaimana usaha kolektif dapat menangani cabaran mendesak yang kita hadapi hari ini. Sama ada ia melibatkan kemajuan pembayaran digital, meningkatkan pengalaman digital, atau memupuk pengurusan sumber yang mampan, makmal ini akan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi digital dan landskap inovasi Brunei,” terang Yang Berhormat.

Melihat ke arah masa depan, Yang Berhormat yakin bahawa inovasi akan kekal sebagai asas kemajuan negara. Cabaran negara bukan sahaja untuk mengadaptasi perubahan teknologi tetapi juga untuk menerajuinya. Dengan menggunakan teknologi baharu seperti AI, data bersaiz besar dan Internet of Things, ia boleh menempatkan NBD sebagai negara yang secara aktif mencorak masa depannya sendiri.

Dengan pelancaran Platform Pembelajaran Digital, KLIQ ini Yang Berhormat berharap akan banyak pencapaian daripada makmal ini dengan memperkenalkan inisiatif baharu yang signifikan bertujuan untuk meningkatkan lagi pendidikan digital di seluruh peringkat umur di negara ini.

Inisiatif ini, tambah Yang Berhormat lagi menampilkan platform digital yang inovatif, akan bertindak sebagai pintu masuk bagi rakyat tempatan untuk meningkatkan kemahiran digital mereka dan mengikuti perkembangan teknologi terkini. Lebih daripada sekadar alat pembelajaran, ia direka untuk membangkitkan minat dan memupuk dedikasi sepanjang hayat kepada inovasi.

BIL pemangkin perubahan

ANGGEREK DESA, Sabtu, 21 September. — Makmal Inovasi Brunei (Brunei Innovation Lab - BIL) hari ini meraikan Ulang Tahun Kedua sejak penubuhannya pada Julai 2022.

BIL telah memainkan peranan penting dalam memajukan inovasi, memupuk kerjasama dan menyokong usahawan digital di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Platform Pembelajaran Digital, KLIQ ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengerusi BIL, Awang Haji Mohammad Shahnoel bin Haji Mohammad Noeh

menekankan peranan BIL sebagai pemangkin perubahan.

Sekjak pelancarannya BIL menjalinkan kerjasama dengan beberapa rakan strategik menganjurkan lebih daripada 80 bengkel berkaitan inovasi dan membantu lebih daripada 1,400 peserta. Usaha ini telah menghasilkan 45 idea baharu yang dibangunkan, dengan 15 syarikat permulaan (*startups*) kini bergerak ke arah komersial.

Beberapa rancangan sedang dijalankan oleh BIL untuk mengukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, industri dan akademik. Perkongsian ini akan memberi tumpuan kepada penciptaan hab pengetahuan yang memupuk inovasi yang memberi impak dan menubuhkan asas untuk pertumbuhan jangka panjang.

Inisiatif lain termasuk memberikan akses kepada syarikat permulaan kepada teknologi baharu, program penglibatan dan mentor teknikal.

Pada acara tersebut, Yang Berhormat Menteri juga mengadakan lawatan ke pameran yang memaparkan syarikat permulaan yang dibangunkan dan disokong melalui Program BIL.

Pasukan kepimpinan menelekkan komitmen mereka untuk memupuk persekitaran di mana inovasi berkembang pesat, dengan menyatakan, ‘Inilah tahun pertumbuhan, penemuan dan idea yang mengubah permainan’.

Turut hadir pada acara yang berlangsung di Amphitheatre Bangunan KHUB ialah pemimpin industri, inovator dan pegawai-pegawai kerajaan.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa mengadakan lawatan ke pameran yang memaparkan syarikat permulaan yang dibangunkan dan disokong melalui Program BIL.

AWANG AHMAD HUSAINI CALON PENGHULU MUKIM KILANAS



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku Pengerusi Bersama semasa hadir pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kilanas. Turut hadir Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (atas dan kanan).

BENGKURONG, Ahad, 22 September. - Setiap penduduk di sebuah mukim layak untuk mengundi dan mempunyai hak untuk mengundi dan memilih calon yang sesuai untuk menanai tanggungjawab sebagai Penghulu Mukim.

Antara tujuan mengundi adalah merupakan satu mekanisme bagi setiap penduduk dan rakyat di negara ini yang telah cukup umur untuk memilih pemimpin di peringkat akar umbi sama ada mengundi menyokong atau tidak menyokong calon bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim.

Sehubungan dengan itu, para penduduk kampung dibawah tadbiran Mukim Kilanas keluar mengundi pada hari ini bagi memilih calon yang akan menjawat jawatan Penghulu Mukim Kilanas yang baharu.

Hadir pada Majlis Pengundian dan

Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kilanas berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim selaku Pengerusi Bersama.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, juga selaku Penghulu Mukim Lumapas dan Pengerusi Bersama, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Mukim Kilanas, Mukim Kianggeh, Mukim Kampong Ayer dan Mukim Lumapas.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak dalam ucapan alu-alunya menyentuh akan peranan utama seorang Penghulu Mukim, iaitu selaku perantara dua hala di antara pihak kerajaan serta anak buah

Berita dan Foto : Muhamad Khairul Hisyam Jaya



mukim dan kampung bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan mukim dan kampung-kampung di bawah penjagaannya.

Seorang Penghulu Mukim juga katanya, harus bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan, kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat serta menggalakkan semangat bermucang-mucang dan bergotong-royong supaya ia tidak luput di makan zaman.

"Mengadakan perundingan, permuzakaran dan permuafakatan bersama Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung serta dengan anak buah mukim dan kampung mengenai apa jua perkara berkebajikan khususnya

untuk pembangunan, kesentosaan, kesejahteraan mukim dan kampung, keselamatan dan keamanan mukim dan kampung dan negara umumnya," ujarnya lagi.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Kilanas yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Kilanas, Kampung Bengkurong berkenaan menyaksikan Awang Ahmad Husaini bin Haji Moksin, berumur 38 tahun (berusia 36 tahun semasa tarikh pengiklanan jawatan ditutup pada 7 Januari 2023) merupakan calon tunggal bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim Kilanas.

Beliau telah menetap di Kampung Tasek Meradun sejak lahir dan berkelulusan Master of Arts in Advertising and Marketing dari

Coventry University, United Kingdom pada 2016.

Pada ketika ini, beliau merupakan Ketua Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut.

Dalam Majlis Pengundian dan Pemilihan berkenaan, sebanyak 205 undi setuju manakala 163 undi tidak setuju sementara satu undi rosak.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim Kilanas berkenaan dilaksanakan menggunakan kaedah pengundian, iaitu kaedah secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi e-Undi PMKK melalui peranti atau telefon pintar pengundi masing-masing, dan juga kaedah secara pembuangan undi melalui kertas undi rasmi (*ballot papers*) yang disediakan oleh Urus Setia Majlis Pengundian.

Sistem pengundian dalam talian berkenaan atau lebih dikenali sebagai aplikasi e-Undi PMKK adalah sebagai pemudah cara bagi anak-anak buah kampung untuk mendaftar ke daftar undi sesebuah kampung, seterusnya melaksanakan tanggungjawab mengundi dan memilih calon yang bertanding bagi jawatan Penghulu Mukim atau Ketua Kampung di mana sahaja tanpa menghadirkan diri mereka ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim berkenaan.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.

Memantapkan kecekapan pengurusan bencana, kecemasan



SUASANA sekitar Program Pemimpin Masyarakat Kali Ke-3 yang berlangsung di Dewan Teater Jabatan Daerah Brunei dan Muara (atas dan bawah).

BERAKAS, Sabtu, 21 September. - Program Pemimpin Masyarakat Kali Ke-3 yang diadakan bermula 19 September lalu berakhir hari ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Teater Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Md. Khairul Sirajul Fikri bin Haji Jamaluddin.

Dalam ucapannya, Pegawai Pengurusan Bencana di Bahagian Planning & Analysis, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Dayang Siti Jorihati binti Johari, selaku Penganggur Program Pemimpin Masyarakat melahirkan harapan agar segala ilmu pengetahuan, idea dan pengalaman yang dikongsikan semasa mengikuti ini sedikit sebanyak dapat membantu peserta memperoleh kemahiran, strategi dan perspektif baru

yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan tadbir urus, daya tahan dan keupayaan pemimpin masyarakat untuk bersedia dan bertindak balas terhadap sebarang kejadian bencana dan kecemasan dengan cekap ke arah membina masyarakat yang proaktif dan berdaya tahan bencana.

"Saya juga berharap melalui program ini akan dapat mewujudkan rasa kekitaan atau sense of belonging dan meningkatkan hubungan kerjasama yang berterusan dengan pihak berkepentingan serta memupuk semangat kemasyarakatan dan perpaduan di kalangan pemimpin masyarakat di negara ini," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Mata-Mata Kawasan 1, 2 & 3 Gadong, Pengiran Redzuan bin Pengiran Haji Said selaku wakil peserta program dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa sepanjang dua hari program,

para peserta memperoleh banyak informasi baharu yang dipelajari dan difahami selain dapat bertukar-tukar pendapat dan pengetahuan dan gaya pemikiran yang berbeza semasa pembentangan dari pegawai-pegawai yang dijemput dan semasa perbincangan semasa kumpulan serta berharap agar program seumpama ini akan kerap diadakan di masa mendatang dalam sama-sama memperoleh impak positif dari hasil pertukaran buah fikiran.

Penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta program dan sijil penghargaan kepada fasilitator program yang terlibat disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sebelum majlis penutup, program pada sesi pagi diteruskan dengan Bengkel Pertukaran Ilmu yang mana para peserta berpeluang mendengar taklimat mengenai fungsi dan peranan Jabatan Perkhidmatan Teknikal (Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik) Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang merupakan salah satu agensi yang berkepentingan dalam pengurusan bencana di negara ini.

Juga diadakan ialah aktiviti dan pembentangan berkumpulan serta Sesi Dialog bersama dengan para panel jemputan bagi membahaskan tajuk dialog, 'Amalan Terbaik dan Langkah Ke Hadapan dalam Pengurangan Risiko Bencana Ke Arah Membinā Masyarakat yang Berdaya Tahan Bencana'.

Sesi dialog ini dijadikan sebagai platform untuk berinteraksi secara terbuka bagi meningkatkan persefahaman bersama, membina kepercayaan dan memupuk semangat kemasyarakatan dan kerjasama di antara peserta program dengan para panel jemputan dari pihak yang berkepentingan serta bagi mencapai objektif, matlamat dan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan

hasil program yang memberi kesan dan bermakna kepada para peserta program.

Program Pemimpin Masyarakat yang diadakan ini bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan (kapasiti) Pemimpin Masyarakat dalam Pengurangan Risiko Bencana melalui pertukaran ilmu dan pembangunan kapasiti serta untuk membina masyarakat dan negara yang berdaya tahan bencana demi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di negara ini.

Pada tahun ini, seramai 92 pemimpin masyarakat atau pemimpin akar umbi dari keempat-empat daerah di negara ini termasuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang terdiri daripada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung telah menyertai Program Pemimpin Masyarakat yang dianjurkan oleh NDMC, KHEDN dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam pengurusan bencana di negara ini



iaitu Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Daerah Temburong, Jabatan Daerah Belait, JDBM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Teknikal (Bahagian Kaji Tanah dan Kaji Selidik) Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Perubahan Iklim Brunei Darussalam yang mana program ini telah diadakan di CAE-Brunei MPTC Rimba Gadong, Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait dan Dewan Teater JDBM.

Turut hadir pada majlis penutup ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat selaku Ketua Kampung Subok, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed selaku Ketua Kampung Putat dan Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong selaku Ketua Kampung Lumapas 'B' serta para pegawai dan kakitangan dari agensi-agensi yang berkenaan.

PESERTA KURSUS SKIM KEFAHAMAN AL-QURAN TERIMA SIJIL



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta kursus (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Alishahrin Haji Mumin

PULAIIE, Sabtu, 21 September. - Seramai 56 peserta terdiri daripada 12 peserta lelaki dan 44 peserta perempuan daripada kalangan mualaf yang telah menamatkan Skim Bimbingan Lanjutan II di bawah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) menyertai Kursus Skim Kefahaman Al-Quran (Khas Muallaf) Tahun 2024 yang bermula pada 17 September 2024 lalu dan berakhir hari ini.

Skim tersebut diungkayahkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama PDI.

Sehubungan itu, Majlis Penutup bagi kursus berkenaan diadakan petang tadi di Dewan Persidangan,

PDI dan hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Terlebih dahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat kepada fasilitator kursus iaitu Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang

Hilman bin Haji Salim dan para peserta kursus.

Antara perisian kursus ialah penerangan konsep ibadat dan kaitannya dalam hubungan antara Khaliq(Allah/Pencipta)dan makhluk (Hablum Minallah); kepentingan dan peranan sembahyang dalam kehidupan Muslim; puasa dan peranannya dalam pembentukan sahsiah Muslim dan Zakat dan hubungannya dalam pembangunan sosial dan Haji sebagai pernyataan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala dan muktamar agung kaum Muslimin.

Objektif kursus adalah bagi memartabatkan kedudukan Al-Quran sebagai sumber hukum Perundangan Islam yang pertama di samping meningkatkan kesedaran umat Islam untuk memahami

kandungan Al-Quran dalam pelbagai aspek serta memberikan maklumat yang tepat terhadap berbagai isu dan salah tanggapan mengenai kandungan Al-Quran di era globalisasi.

Ia juga bertujuan untuk

menyiapkan generasi penerus berjati diri yang dapat memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai ajaran Islam secara utuh bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah dalam segala aspek kehidupan.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

كتيرين كصحيت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Memperkasa penyebaran bahasa Arab di Asia Tenggara



SEKITAR Mu'tamar Bahasa Arab Asia Tenggara (Mubasat) Kali Ke-5 anjuran bersama Cambodia University of Management and Technology, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlangsung di Phnom Penh, Kemboja (kiri dan atas).

Turut diadakan ialah mesyuarat penyelarasan Mubasat Kali Ke-6 bagi Tahun 2025.

Hadir mewakili KUPU SB ke Mu'tamar berkenaan ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Abdul Haji Rani, dan beberapa orang ahli akademik daripada Pusat Bahasa, KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dalam Mu'tamar berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama Kemboja, H.E Dr. Chay Borin, yang seterusnya merasmikan Mu'tamar berkenaan.

Dalam ucapan selaku ahli jawatankuasa penganguran Mu'tamar, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir, mengalukan kerjasama berterusan antara

Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kemboja terutamanya dalam bidang pengajaran dan penyebaran bahasa Arab sepetimana yang dilaksanakan dalam Mu'tamar berkenaan.

Selain itu, Profesor Dr. Abdul Nasir turut mengalukan penyertaan para pembentang dalam Mu'tamar berkenaan dan berharap agar Mu'tamar berkenaan boleh memberi manfaat dan penambahan ilmu bidang bahasa Arab.

Seramai 14 pembentang daripada Indonesia, Thailand, Kemboja, Brunei, Malaysia, Viet Nam dan Ukraine membentangkan kertas kerja kajian mereka.

Dengan tema 'Piawaian

pengajaran Bahasa Arab di Asia Tenggara : Antara Harapan dan Aspirasi', antara objektif pengajuran Mu'tamar berkenaan termasuk menyediakan wadah perbincangan mengenai perkara berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di NBD dan Asia Tenggara.

Fokus utama perbincangan berkaitan dengan kepentingan membentuk piawaian pengajaran bahasa Arab yang berkualiti dari aspek kurikulum, kemahiran guru, penilaian dan lainnya agar dapat diamalkan di institusi-institusi ahli dan seterusnya memberi manfaat kepada semua yang berkaitan dalam bidang pengajaran dan penyebaran bahasa Arab.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Mu'tamar Bahasa Arab Asia Tenggara (Mubasat) Kali Ke-5 anjuran bersama Cambodia University of Management and Technology, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berlangsung di Phnom Penh, Kemboja, hari ini.

RA'ES KUPU SB semasa menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan.

MEMBUDAYAKAN AMALAN PEMBACAAN AL-QURAN



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

SALAMBIGAR, Ahad, 22 September. - Penuntut-penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah (MPSHB) keluaran

tahun 1974 hingga 1976 hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Masjid Kampung Salambigar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, mantan Timbalan Pengetua MPSHB, Pengiran Datin Paduka

Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat yang juga selaku Naib Yang Di-Pertua I, Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (NBD).

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan khatam Al-Quran dan Takhtim yang diketuai oleh

salah seorang bekas penuntut MPSHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Abdul Manaf.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Salambigar, Awang

PENUNTUT-penuntut Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah (MPSHB) keluaran tahun 1974 hingga 1976 mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid Kampung Salambigar.

Makhadzir bin Haji Ahmad.

Sesi Tadarus bagi mentasmik bacaan 30 juzuk Al-Quran telah pun dijalankan bermula Januari hingga Ogos 2024 yang lalu.

Adapun antara objektif majlis berkenaan diadakan adalah sempena memperingati 50 tahun (jubli emas) penuntut-penuntut berkenaan keluaran 1974 hingga 1976 MPSHB.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membudayakan pembacaan Al-Quran dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir di samping bagi mendapatkan ganjaran pahala yang berlipat ganda dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



suruوهنجاي قرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

!

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman-Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

!

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

!

BARU

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

Pengajuan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat rasa di dalam PSCR saya adalah lengkap, betul dan benar sejauh yang mungkin. Sebaik maklumat ini diproses, saya mengetahui bahawa jika maklumat ini tidak lengkap, betul dan benar sejauh yang mungkin, permohonan bagi jawatan kosong yang saya tawarkan ini tidak akan diproses.

(PERINTAH) Saya pastikan anda telah memeriksa PSCR anda lengkap bersama-sama dengan maklumat yang diberikan pada iklan.

RUPAH PENGETAHUAN UNTUK MENGHADAPKAN PERNIAGAAN

Program Sekolah Berkembar pupuk kerjasama, pertukaran sosiobudaya

SESI bergambar ramai para pelajar Tahun 5 dan Tahun 4 Sekolah Rendah Amar Pahlawan berserta tiga guru sekolah berkenaan berlepas ke Republik Singapura bagi lawatan ke Yangzheng Primary School, bermula 22 hingga 26 September 2024.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

BERAKAS, Ahad, 22 September. - Seramai 12 pelajar Tahun 5 dan Tahun 4 Sekolah Rendah Amar Pahlawan berserta tiga guru sekolah berkenaan berlepas ke Republik Singapura bagi lawatan ke

Yangzheng Primary School, bermula 22 hingga 26 September 2024.

Lawatan selama lima hari tersebut merupakan Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi

mengucapkan selamat baylorialah Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan, Dayang Norhayati binti Haji Serudin.

Program Sekolah Berkembar NBD dan Republik Singapura pada tahun ini merupakan kali pertama diadakan sebagai kerjasama di antara

Sekolah Rendah Amar Pahlawan dengan Yangzheng Primary School.

Program ini bertujuan memupuk kerjasama dalam pembelajaran serta memperkenalkan budaya masing-masing.

Selain itu, program berkenaan turut memfokuskan kepada pertukaran sosiobudaya serta mengukuhkan

lagi hubungan erat dan kerjasama yang sedia terjalin antara NBD dengan Republik Singapura.

Semasa lawatan itu nanti, para pelajar dan guru-guru akan berpeluang untuk mengenali lebih dekat lagi sistem pendidikan di sekolah berkembar, selain berpeluang menimba ilmu dan pengalaman melalui sesi pembelajaran dan aktiviti bersama pelajar-pelajar Yangzheng Primary School.

Program tersebut juga akan memberi pendedahan kepada para pelajar tentang hidup berdikari di luar negara dalam usaha menuntut ilmu pengetahuan secara lebih berkesan di sekolah-sekolah cemerlang di Singapura.

Di samping itu, para pelajar juga akan berkesempatan melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah di Singapura bagi mempelajari sejarah serta kebudayaan di sana.

Turut hadir di LTAB ialah pegawai-pegawai dari JSS, Kementerian Pendidikan, serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

Program ini diselaras oleh JSS, Kementerian Pendidikan, NBD.

سرداله سري

کورو بر کوالیتی فماچو تونسفورماسي فنديدقن

لعنوسی کدایا تاهن دان کعمقون مپسوایکن دری. سعوا این اداله فتنی دام دنیا یعنی ستیاس بروبه. دعن مغکابوگن لیتواسی دیجیتل دالم کوریکولوم دان فنديدقن اینووایتف اولیه فارا کورو، اکن بولیه دجادیکن سباکی فرسافن فلاجر اوونوق معهادی دنیا یعنی قست برکمیث.

جماعه یعنی درجمی الله،

دام منديدقن انق بگسا، کیت سلاکو ایبو باف دان مشارکت جوک نفویای قران اوونوق برکندیغ باهو دان بکرجسام دعن کورو-کورو دالم مبترق انق-انق منجادی انسان یعنی چمرع دان برکوالیتی دماس هادفن. کورو هان مقر منديدقن مریک دسکوله، مناکلا دلوار سکوله اداله منجادی تغکو غحوال ایبو باف دان مشارکت اوونوق مقر کوکوه فنديدقن دسکوله، دعن سام-سام ممات-ماتای، منديدقن، میری کامیه سایع، معقیل قدوی سرتا میری تکرر دان تصیحت کفده انق-انق اکر مریک منجادی انسان یعنی برکونا اوونوق او کام، بعسا دان نکارا. مک ماریله سام-سام کیت مغهیر کای دیدیکاسی فارا کورو دان مپوکوغ اوسها مریک اوونوق میردایکن جزاسی سزوشن سباکی وارکا کلوبال یعنی ستیاس سیاف سیاکا میریکن سومیعن قویستیف کفده دنیا یعنی ستیاس براویه دعن منجایی واوسن نکارا ۲۰۳۵.

اخیرن، کیت پردعاء کحضرۃ اللہ سبکاله و تعالیٰ اکر فارا کورو ستیاس دلیمکن توفیق دان هدایه دالم منجالنکن توکس دان تغکو غحوال مریک دام منديدقن انق بعسا دعن مبیکن علوم دنیا دان علوم آخری، سکالیکوس دافت منجادیکن نکارا کیت ماجو فرویه یعنی ستیاس میری اینسقیرسی کفده فلاجر اونوق منجایی قوتیسی شوه مریک. کورو بوکن سهاج سباکی فنديدقن تنای بازی العلیم

تفسیر:

واهی اورغ-اورغ یعنی برلماه افیل دکاتاکن کفده کامو: لافکنه ثفت دودوک دجلیس-جلیس (اوونوق اورغ لاین)، مک لافکنه، نسحای الله میری کلافعن اوونوق کامو. دان افیل دکاتاکن: بردریله، هندقه کامو بردری، نسحای الله منیغکیکن اورغ-اورغ یعنی برلماه انطا را کامو دان اورغ-اورغ یعنی دری علوم فقہوان آکام براف درخت. دان الله مها تلیتی ترهادف اف یعنی کامو کرجاکن. {سوره الجادلة آیة: ۱۱}

بارک الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتَقَلَّ مِنَ الْأُوَّلَةِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَلِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلَسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِي فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا حَمَّا

دام سبواه حدیث، درقد ابی الدرداء رجیلیته، بکندا حنی اللہ علیہ وسلم ادا برقوی له کیت کحضرۃ اللہ سبکاله و تعالیٰ دعن منیغکنکن کیانان کفده. سسغکونه اورغ یعنی فالیع ملیا دسیسی اللہ سبکاله و تعالیٰ ایت ایاله اورغ یعنی فالیع

مقصودن: سسغکونه کلیهنه اورغ یعنی برعلمو فقہوان دنبیغ دعن اهل عبادة اداله عباره بولن قورناما اتس سلوروه بیش-بیش. {حدیث روایة أبو داود}

جماعه یعنی درجمی الله،

برقوی له کیت کحضرۃ اللہ سبکاله و تعالیٰ دعن منیغکنکن کیانان کفده. سسغکونه اورغ یعنی فالیع ملیا دسیسی اللہ سبکاله و تعالیٰ ایت ایاله اورغ یعنی فالیع برقوی. موده-مودهن کیت منجادی انسان یعنی ستیاس معایغی الله سبکاله و تعالیٰ، برامله کجیان دان کسلامه دنیا دان جوک دأخیره.

جماعه یعنی درجمی الله،

علمو فقہوان ساعت فتنی دالم کهیدوون مانسی. ای مروفاکن کونیجی کفده کبهاکیان، کران دعن علمو فقہوان اکن دافت مبتو کیت بر جای دنیا دان جوک بر جای دأخیره. اسلام منديدقن کیت سویای متواتر علمو سباق موعکین ملیقوتی علمو فرض عین سفرتی علمو عقبیده، سریغه دان أخلاق الباهی رجیلیته، رسول الله حنی اللہ علیہ وسلم بر مقصود: سسغکونه الله، فارا ملاکه دان سوا فندودوق دلاعیت دان دبومی، سهیغکاکن سبوت دسارعن دان ایکن (دلاوتن) فستی برصلوات (مندعاکن) کبایکن باکی اورغ یعنی مغاجر کن کبایکن کفده مانسی. {حدیث روایة امام ترمذی}

جماعه یعنی درجمی الله،

تاریخ ۲۳ سقیمیر اداله تاریخ یعنی دفیله باکی مقاعتراف سومیعن دان جاس فارا کورو دنکارا بروني دارالسلام. تیما هاری کورو قده تاهون این ایاله کورو برکوالیتی فماچو تونسفورماسي فنديدقن، بسرت سبیت تیمان یا بت فنديدقن اوونوق دنیا یعنی ترسوس بروبه.

کورو مروفاکن فماچو فرویه یعنی ستیاس میری اینسقیرسی کفده فلاجر اوونوق منجایی قوتیسی شوه مریک. کورو بوکن سهاج سباکی فنديدقن تنای جوک مبتوی یعنی مفوق فوک راس ایعنی تاهو، کرباتیونی دان جوک فتحجوس ساعت فارا فلاجر اوونوق فبلاجرن سفتح حیا. دعن مغادفاتی فاعده فتعاجرن یعنی اینووایتف دان منفعتکن تیکنلوجی، کورو اکن ستیاس ترسوس کریاتیف دالم فتعاجرن مریک دعن منجادیکن لیبه مناریق دان ریلیون دعن جابری ایاد ک- ۲۱

دام دنیا دیجیتل یعنی قست بروبه، کماهین سفرتی لیتواسی دیجیتل دان فیلاین کربیکل اداله دفلوکن اوونوق فلاجر، دان کورو اداله بر فران فتنی دالم قرویس این. مریک بوکن سهاج مبیکن کندوغن فبلاجرن سرتا فیلاین دعن بیچسان تنای جوک مغاجر انق دیدیقن باکانان منیلای سومیر معلومت یعنی تریما سحارا کربیکل دان مغکالنکن فعکنیان تیکنلوجی سحارا بر تغکو غحوال.

کورو جوک سباکی فتحورق ماس دفن فلاجر. فران کورو اداله لیبه بسر، بوکن سقدر میریکن فقہوان آکادمیک ماله جوک مفوق کجر داسن

علمو فقہوان ساعت فتنی دالم کهیدوون مانسی. ای مروفاکن کونیجی کفده کبهاکیان، کران دعن علمو فقہوان اکن دافت مبتو کیت بر جای دنیا دان جوک بر جای دأخیره. اسلام منديدقن کیت سویای متواتر علمو سباق موعکین ملیقوتی علمو فرض عین سفرتی علمو عقبیده، سریغه دان أخلاق الباهی رجیلیته، رسول الله حنی اللہ علیہ وسلم بر مقصود: سسغکونه الله، فارا ملاکه دان سوا فندودوق دلاعیت دان دبومی، سهیغکاکن سبوت دسارعن دان ایکن (دلاوتن) فستی برصلوات (مندعاکن) کبایکن باکی اورغ یعنی مغاجر کن کبایکن کفده مانسی. {حدیث روایة امام ترمذی}

نامون دالم منجاري علمو، کیت فرلو منجاري فمیمیع اتاو کورو. مک دسینیله فران دان توکس کورو اوونوق مهیغکین دان مغاجر علمو کفده انق دیدیقن. کورو ایت دعبارتکن سفرتی جهای یعنی منزاعی ککلافن. ای میری فتوخوی دان فندوان دالم مهیمی اف جوا علوم یعنی فلاجری. دعن سیکفت یعنی تیدق مغلل للاه اتاو قاته ساعت، مریک بر قربان سلوروه جیوا دان راکا، ماس، واع دان تناک، براؤسها دان بر جواغ میریکن یعنی تریاک کفده انق-انق دیدیقن مریک.

توکس سباکی کورو اتاو فنديدقن این بوکنه سواتو توکس یعنی بولیه بلاکوکن اولیه سوا اورغ، سیمیعن اورغ یعنی بر کماهین دان بر کولیهین سهاجله یعنی دافت بر برات دمکن. توکس کورو اداله مبلوروه دالم فرویسی قیستونی دیری سسأورغ مانسی، یعنی مپدیاکن لندرس اتاو أساس یعنی کوکره سهیغک انق-انق دیدیقن دافت منجایی کجايان بوکن سهاج دری سکی فتحقاین آکادمیک بهکن مفتوه مبترق انسان یعنی مغوبیای اخلاق یعنی باکی دان کفریادین ملیا.

جماعه یعنی درجمی الله،
دام دل اسلام، کلمودون کورو اداله دلندج تیغکی دان ملیا مسوای دعن کتبیگیان علمو، فرمان الله سبکاله و تعالیٰ دالم سوره الجادلة آیة: ۱۱:

تفسیر:

الله مبیکنکن اورغ-اورغ یعنی بر لمان انطا را کامو دان اورغ-اورغ یعنی دری علوم فقہوان آکام براف درخت.

NASIONAL

MANFAATKAN TERAPI SENI DALAM PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Sabtu, 21 September - Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kesihatan mental telah dikenal pasti sebagai kebimbangan kesihatan awam yang serius, dan oleh itu, memelihara dan menjaga kesejahteraan kita adalah amat penting.

Bahkan, terdapat hampir satu bilion orang yang hidup dengan gangguan mental di seluruh dunia pada masa ini.

Perkara itu ditekankan oleh Ketua Pengarah, Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd Khalifah bin Pengiran Haji Ismail dalam ucapannya pada Forum Canvas of Calm yang diadakan di Garden's Veranda, Rimba, di sini.

Jelasnya, gangguan mental merangkumi beberapa simptom daripada yang ringan seperti kerisauan kepada yang serius seperti keabnormalan tingkah laku.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD) katanya, terdapat lebih 11,000 orang yang berdaftar sebagai pesakit dengan perkhidmatan kesihatan mental tempatan, dan jumlah ini dijangka akan meningkat.

Oleh itu adalah dijangka bahawa keperluan kesihatan mental dan intervensi psikososial tambahnya, mungkin akan meningkat juga pada tahun-tahun akan datang.

Menurut beliau lagi, ini memerlukan pelaburan yang lebih baik dan juga inovatif termasuk penggunaan terapi seni sebagai sebahagian daripada program, sokongan dan perkhidmatan rawatan kesihatan mental.

"Terapi seni semakin popular

dalam bidang kesihatan mental di seluruh dunia kerana ia menyediakan pendekatan berorientasi pemulihan (*recovery-oriented*), berpusatkan orang (*person-centred*) yang merangkumi keperluan emosi, rohani, sosial dan keperluan klinikal.

"Oleh itu terapi seni boleh berfungsi sebagai kaedah yang bernilai tinggi dan dapat melengkapkan rawatan penjagaan kesihatan mental tradisional seperti kaunseling atau ubat-ubatan dan berfungsi untuk meningkatkan fungsi kognitif, daya tahan emosi dan keyakinan diri," tegas beliau.

Forum tersebut dihadiri lebih daripada 80 orang mewakili dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, JobCentre, syarikat-syarikat yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan pekerja, ibu bapa, guru dan pelajar dari Pusat Ehsan, ABLE Brunei, Pusat Bahagia Eric Goh, Pusat Bahagia Pulaie dan La Vida Brunei, kaunselor serta individu.

Forum ini diisikan dengan taklimat yang disampaikan oleh Penceramah utama, Dr. Amanda Woodford yang mempunyai pengalaman antarabangsa yang luas dan adalah ahli Terapi Seni Kreatif berdaftar yang berasal dari New Zealand.

Beliau juga merupakan Penyelia yang diluluskan dengan ANZACATA (badan profesional yang mewakili ahli Terapi Seni Kreatif di Australia, New Zealand dan rantaui Asia / Pasifik) dan seorang akademik dengan The MIECAT Institute di Naarm Melbourne, Australia, serta Artis Mixed-Media.

Selain itu, Dr. Woodford juga

berkongsi pengalamannya dalam seni dan pembuatan seni dalam terapi, kesejahteraan komuniti, pendidikan, penyelidikan, penyeliaan dan amalan penjagaan diri.

Dr. Woodford seterusnya mengongsikan faedah amalan seni sambil mempertimbangkan kebolehan dan kesukaran, termasuk penggunaan alat dan ruang membuat seni serta menawarkan teknik berdasarkan seni yang dia dapat menyokong dan mungkin dapat membantu dalam berkomunikasi 'apa yang penting' apabila perkataan sahaja tidak mencukupi atau gagal dalam tajuk pembentangannya 'Membuat, Berkongsi, dan Membaiki'.

Ia diteruskan dengan taklimat kedua daripada Ahli Terapi Seni terlatih warga Brunei di Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), Dayang Nur Nadiah binti Suhaili.

Dayang Nur Nadiah merupakan seorang ahli dalam Persatuan Seni Kreatif Australia, New Zealand dan Asia (ANZACATA) dan bekerja dengan individu yang mempunyai pelbagai kecacatan fizikal, kognitif dan mental dari pelbagai latar belakang termasuk remaja, dewasa dan warga emas.

Dalam taklimatnya, Dayang Nur Nadiah turut menerangkan tentang terapi seni yang merintis di negara ini berdasarkan pengalamannya dalam masyarakat dan juga di hospital.

Dayang Nur Nadiah juga berkongsi pengalamannya bekerja dengan orang kelainan upaya (gangguan neurologi seperti strok, sawan, individu yang mengalami sakit kronik / migrain dan kanser) dan bagaimana mereka mendapat manfaat daripada pembuatan seni.

Seterusnya beliau

mengetengahkan manfaat terapi seni dan cabaran terapi seni di negara ini. Forum itu diselitkan dengan satu sesi 'fireside chat' di mana beberapa orang ahli panel dari pelbagai latar belakang seperti Moi Sun, Awang Haji Padzil bin Haji Ahmad, Nasihin Lisa dan Danish juga mengongsikan kisah peribadi dan inspirasi mereka di mana mereka memanfaatkan seni dalam memperkisas diri.

Forum yang dianjurkan oleh Syarikat SynARTgy dengan sokongan Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan bertemakan 'Memanfaatkan Seni untuk 'Healing' dan Kesejahteraan' merupakan yang pertama seumpamanya diadakan di negara ini.

Antara objektifnya adalah untuk meneroka aspek terapeutik seni sebagai kaedah yang berkesan untuk pengawalan diri, ekspresi emosi dan kesejahteraan secara keseluruhan, untuk mengkaji kesan menenangkan (*calming effect*) seni dan keupayaannya untuk menyediakan ruang yang selamat (*safe space*) untuk memproses emosi dan pengalaman, memberikan strategi yang praktikal dengan menggunakan seni sebagai mekanisme mengatasi serta memfokuskan pada keterangkuman terapi seni, kebolehcapaian dan potensi manfaatnya untuk individu dari pelbagai latar belakang dan kebolehan.

Objektif forum ini juga adalah selaras dengan misi kolektif untuk memastikan NBD sebagai sebuah negara yang sihat dari segi mental dan juga berdaya tahan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental Negara Brunei Darussalam 2022 - 2025



KETUA Pengarah, Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan semasa berucap pada Forum Canvas of Calm.

yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Adalah diharapkan forum ini dapat merangsang perbincangan dan proses pemikiran seterusnya untuk meluaskan manfaat seni yang dimanfaatkan untuk kebaikan yang lebih besar untuk masyarakat dan juga untuk individu di NBD dan ke luar negara.

Sementara itu, bengkel secara praktikal juga diadakan pada sebelah petang di sebuah hotel di Kiulap di mana peserta-peserta telah dibekalkan satu 'toolkit' untuk mengalami beberapa kesan terapeutik terapi seni untuk menyokong kesejahteraan di bawah bimbingan Dr. Woodford dan Dayang Nur Nadiah.

Penaja-penaja emas bagi forum tersebut ialah Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Royal Brunei Airlines (RB).

Tingkatkan mutu bacaan Dikir Syarafil Anam

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Sabtu, 21 September. – Dikir Syarafil Anam merupakan khazanah berharga diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman-berzaman.

Dikir Syarafil Anam mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian yang agung dimiliki oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai keistimewaan.

Sehubungan dengan itu, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong, Daerah Tutong dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid mengadakan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Belia dan Belianwanis Masjid Senegara sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan Dikir Syarafil Anam diadakan bertujuan memberikan bimbingan, pendedahan dan peluang kepada para peserta untuk meningkatkan mutu bacaan Dikir Syarafil Anam melalui teknik yang betul dari segi fashahah, lagu dan suara

Ini secara tidak langsung dapat melahirkan belia dan belianwanis masjid yang berkemahiran membawakan dikir-dikir tersebut dengan baik dan sempurna

Di samping itu, pertandingan tersebut juga adalah untuk menggalakkan para peserta menguasai dan mengekalkan lagu-lagu dikir berkenaan serta dapat dimanfaatkan bagi memenuhi permintaan masyarakat awam untuk memperdengarkan Dikir Syarafil Anam di acara-acara keagamaan

Selain itu, pertandingan ini dihasratkan bagi menggalakkan para peserta supaya sentiasa mengamalkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar beroleh berkat sekali gus memerlukan dan membesarakan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam.

Johan Kategori Belianwanis disandang oleh Belianwanis Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kilanias dan johan Kategori Belia diraih oleh Belia Masjid Kampung Penanjong.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hargai Warga Perkhidmatan Awam'. Tarikh Tutup : 25 September 2024
2. 'Tingkat Kesan Penderaan, Pencabulan Kanak-kanak'. Tarikh Tutup : 2 Oktober 2024
3. 'Teladani Sunnah Rasulullah Dalam Kehidupan Seharian'. Tarikh Tutup : 9 Oktober 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

JKA ANJUR MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Berita dan Foto : Ihsan Jurai Keturunan Ahmad



BANDAR SERI BEGAWAN
Ahad, 22 September. - Jurai
Keturunan Ahmad (JKA)
mengadakan Majlis Khatam
Al-Quran sempena Sambutan
Perayaan Ulang Tahun Hari
Keputeraan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar
'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi
Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Ke-78.

Majlis berlangsung di Dewan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pegiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis,
Dato Seri Setia Awang Haji Mohd.
Zaimi bin Haji Awang Talip yang
juga mengepalai bacaan Surah
Al-Fatihah beramai-ramai bagi
memulakan majlis.

Bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai yang bermula dari Surah Adh-Dhuha sehingga Surah An-Nas dipimpin oleh Awang

DATO Seri Setia Awang Haji Mohd. Zaimi bin Haji Awang Talip hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78.

Ahmad Hazazi bin Haji Jamil yang juga turut memimpin bacaan Takhtim dan seterusnya membacakan Doa Khatam.

Majlis diserikan lagi dengan laungan Dikir Marhaban yang dikepalai oleh Haji Awang Jasni bin Haji Awang Abdul Latif dan seterusnya bergema dengan Selawat Tafriiyah.

Doa kesyukuran Allah Peliharakan


Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Ahmed Hezazi

Seramai 60 peserta menyertai

majlis berkenaan yang dianjurkan buat kali ke-3 dan ia merupakan salah satu program keagamaan tahunan oleh ahli keluarga JKA.

Selama 60 peserta menyertai

Menyebarkan maklumat palsu boleh dijatuhkan hukuman



KEMENTERIAN Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada orang ramai tentang pengedaran dokumen palsu yang menggunakan logo kementerian tersebut. Dokumen palsu berkenaan telah menyatakan bahawa sumbangan wang tunai kepada Tabung Kemanusiaan Palestin di Gaza boleh dibuat kepada Kelab atau Persatuan Motosikal Bebas, Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonom

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad,
22 September. - Kementerian
Kewangan dan Ekonomi (MOFE)
ingin memaklumkan kepada orang
ramai tentang pengedaran dokumen

palsu yang menggunakan logo kementerian tersebut.

Dokumen palsu berkenaan telah menyatakan bahawa sumbangan wang tunai kepada Tabung

Kemanusiaan Palestin di Gaza boleh dibuat kepada Kelab atau Persatuan Motosikal Bebas, Negara Brunei Darussalam.

Pihak MOFE menegaskan bahwasanya adalah menjadi satu kesalahan bagi menyebarkan maklumat palsu di bawah Bab 34, Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148, yang mana individu yang didapati menyebarkan berita palsu secara lisan, bertulis atau dengan apa jua cara lain dan seterusnya menyebabkan ketidaktenteraman orang ramai, boleh dikenakan denda sebanyak BND3,000 dan penjara selama tiga tahun.

Seterusnya, MOFE juga menekankan bahawa penggunaan logo mana-mana agensi kerajaan tanpa kebenaran adalah satu kesalahan berat. Barang siapa yang menipu dengan menyamar, jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun dan didenda di bawah Bab 419 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22.

Bagi kes penyebaran maklumat palsu berkenaan, laporan kepada pihak berkuasa telah dilaksanakan bagi tujuan tindakan siasatan.

Sehubungan dengan ini, pihak orang awam adalah dinasihatkan untuk menghubungi Unit Korporat Komunikasi, MOFE melalui talian +673 2380999 atau melalui e-mel pr@mofe.gov.bn jika terdapat maklumat yang mencurigakan.





SEBUT HARGA SECARA TERBUKA BAGI PENGENDALIAN KURSUS MODULAR DAN SIGNATURE PROGRAMME BAGI TAHUN KEWANGAN 2024 / 2025

1. DA / JKSH / 85 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025 Bagi : Writing Effective Working Paper

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

2. DA / JKSH / 86 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025 Bagi : Problem Solving And Decision Making

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

3. DA / JKSH / 87 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Managing Strategy

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

4. DA / JKSH / 88 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Junior Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Successful People

Management And Team Leadership

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

5. DA / JKSH / 89 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Performance Management

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

6. DA / JKSH / 90 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Project / Programme Management

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

7. DA / JKSH / 91 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Design Thinking

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

8. DA / JKSH / 92 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Middle Executive Programme Tahun Kewangan 2024 / 2025

Bagi : Business Process Re-Engineering

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

9. DA / JKSH / 93 / 2024 / 2025 [HRD-SEPT-2024]

Sebut Harga Pengendalian Kursus Modular Programme



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :
II, III, IV atau V

Kategori :
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
 Isnin,
 23 September 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
 Selasa,
 8 Oktober 2024

Tarikh Tutup Pada :
 Selasa,
 22 Oktober 2024
 Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tarawan Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T011 / 2024
Kerja-Kerja Penambahbaikan Landskap Di Sepanjang Jalan Pertahanan Menuju Ke Jalan Landasan Lama.

No. Projek :
JASTRE / BL / T011 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



Tahun Kewangan 2024 / 2025
Bagi : Effective Speech Writing

Jumlah Hari Kursus : Dua (2) Hari

Bayaran Yuran Sebut Harga :

BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu, 5 Oktober 2024
(Jam 9.00 Pagi)



KEMENTERIAN HAL EHWAH LUAR NEGERI

Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Iklan Jawatan Kosong

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan :
Political Adviser, Good Offices and Caribbean Sections, Governance and Peace Directorate

Kekosongan :
1

Tarikh Tutup :
24 September 2024

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



Iklan Melanjutkan Tarikh Tutup

Sebut harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
02 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Tawaran Kerja-Kerja Pemeliharaan Bangunan Jabatan Tanah, Jabatan Ukur dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Selama 12 Bulan

Tarikh Tutup Tawaran Dilanjutkan:
Selasa,
1 Oktober 2024,
Jam 2.00 Petang



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA**

Notis Tawaran Bilangan :
HMSF / TDR / 04 / 2024

Tajuk :
For Service Level Maintenance Contract And Related Works (Package D) For His Majesty The Sultan's Flight Hangar 1 & Hangar 2 Air Conditioning And Mechanical Ventilation System

Tarikh Tutup :
Selasa,
5 November 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
(102) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Membalik Kerosakan Dan Penyelenggaraan Genset Di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Bilangan Sebut Harga :
(103) INFO / PK / K / 7
(2024 - 2025)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Penghantaran Akhbar Pelita Brunei

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis, 26 September 2024
Jam 8.00 Pagi



Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
(10) NDMC / TSH / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
Jemputan Sebut Harga Bagi Menyewakan Kenderaan Jenis Bas Coach Kegunaan 45th Asean Committee On Disaster Management (ACDM) 12th Asean Ministerial Meeting On Disaster Management (AMMDM) & 13th Conference Of The Parties To The Asean Agreement On Disaster Management And Emergency Response (COP To The AADMER) And Related Meetings For The Year 2024, 21 – 25 Oktober 2024

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Lima Ringgit Sahaja)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2024 / LB / TA / 024
Pembelian Kasut George Boots Black Bagi Anggota Tentera Darat Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Barang Tawaran adalah **satu (1) minggu** sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 15 Oktober 2024**.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 22 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



PELITA BRUNEI



1. DA / JKSH / 72 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Haji Tarif Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND53.00

2. DA / JKSH / 73 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Dato Basir Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND287.00

3. DA / JKSH / 74 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin : BND767.00

4. DA / JKSH / 75 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin : BND1,112.00

5. DA / JKSH / 76 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin : BND1,112.00

6. DA / JKSH / 77 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Lambak Kiri Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'A']

Harga Sewa Kantin : BND614.00

7. DA / JKSH / 78 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Masin Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin : BND675.00

8. DA / JKSH / 79 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Pusat Tingkatan Enam Tutong Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND498.00

9. DA / JKSH / 80 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Haji Mohd Jaafar Maun Kiulap Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND190.00

10. DA / JKSH / 81 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd Yusof Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND246.00

11. DA / JKSH / 82 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah Daerah Belait Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin : BND726.00

12. DA / JKSH / 83 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Amar Pahlawan Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND301.00

13. DA / JKSH / 84 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar, Gadong Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin : BND312.00

Bayaran Yuran Sebut Harga :

BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :

Sabtu,
12 Oktober 2024
(Jam 9.00 Pagi)

Harga Sewa Kantin : BND614.00

7. DA / JKSH / 78 / 2024 / 2025 [BPPA-SEPT-2024]

Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Masin Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Satu (1) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin : BND675.00



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :

II, III & IV

Kategori :

KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :

Iasnin,
23 September 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Selasa,
8 Oktober 2024

Tarikh Tutup Pada :

Selasa,
22 Oktober 2024
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas,



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T012 / 2024

Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Di Kawasan Pangaspuri VIP Telanai, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

No. Projek :

JASTRE / BL / T012 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :

BND10.00

(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran:

02 / 2024 / 2025

Supply, Delivery Installation, Configuration, Commissioning of Interactive TV (Flat Panel / Smartboard) With Training and Accessories for Department of Town and Country Planining, Ministry of Development

Tarikh Buka Tawaran:
Iasnin, 16 September 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Khamis,
3 Oktober 2024

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 8 Oktober 2024, sebelum jam 2.00 Petang

Harga Yuran Tawaran
BND10.00 (Tidak dikembalikan)
(Pembayaran yuran tawaran adalah secara Online melalui One Common Billing System (OCBS))



T / 001 / RBPF-HQ / 2024 – T
Proposed To Supply, Delivery, Install, Training, Testing And Commissioning Of Mobile X-Ray Inspection System Vehicle For Use By Airport Police At Brunei International Airport, RBPF, Brunei Muara District

Yuran Tawaran :
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
22 Oktober 2024
Tidak lewat
Jam 2.00
Petang



Harga Yuran Tawaran

BND10.00 (Tidak dikembalikan)

(Pembayaran yuran tawaran adalah secara Online melalui One Common Billing System (OCBS))



No. Projek :

JASTRE / BL / T013 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :

BND30.00

(Tidak dikembalikan)



مجالس علم

سلطان هاری کشوراءن کاوه دولي یعهمها مليا قادک سري بکندا سلطان دان يقدقتوان
نکارابروني دارالسلام لـ ٧٨٠ تاهون

MAJLIS ILMU 2024

مناغني بخالا الامينتل

MENANGANI GEJALA MENTAL

SEMINAR MAJLIS ILMU 2024

**BERTEMPAT: PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA (ICC)
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Selasa
27 Rabiulawal 1446H bersamaan
1 Oktober 2024M

Sidang 1: 8 - 10.00 pagi
Sidang 2: 10.30 pagi - 12 tengahari
Sidang 3: 2 - 4 petang

Rabu
28 Rabiulawal 1446H bersamaan
2 Oktober 2024M

Sidang 1: 8 - 10.00 pagi
Sidang 2: 10.30 pagi - 12 tengahari
Sidang 3: 2 - 3.30 petang

SESI CERAMAH DAERAH-DAERAH SEMPENA MAJLIS ILMU 2024

DAERAH TEMBURONG

Sabtu
8 Rabiulakhir 1446H bersamaan 12 Oktober 2024M
Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan
Mukim Bangar, Daerah Temburong

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Sabtu
15 Rabiulakhir 1446H bersamaan 19 Oktober 2024M
Dewan Musyawarah
Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC)
Berakas, Bandar Seri Begawan

DAERAH TUTONG

Selasa
18 Rabiulakhir 1446H bersamaan 22 Oktober 2024M
Dewan Ma'had Islam Brunei
Daerah Tutong

DAERAH BELAIT

Khamis
20 Rabiulakhir 1446H bersamaan 24 Oktober 2024M
Dewan Persidangan Kuala Belait
Daerah Belait

Pengajur Bersama



MAJLIS PENUTUP DIKIR TERUS DISEMARAKKAN

Berita dan Foto : Ihsan Bekas Penghuni Asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Kumpulan Bekas Penghuni Asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) Kemasukan 1960 - 1978 berjaya mengendalikan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Dikir telah diadakan baru-baru ini di Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut yang dihadiri oleh seramai 60

ahli kumpulan bersama ahli-ahli keluarga masing-masing.

Atur cara majlis termasuk penyampaian sedekah khairat kepada wakil keluarga dua ahli kumpulan yang kembali ke rahmatullah baru-baru ini.

Juga diadakan pada majlis tersebut ialah penyerahan wakaf oleh Dato Paduka Seri Haji Abd. Rahman bin Haji Johan Selaku Penasihat Komiti Penyelenggara Majlis kepada Imam masjid, Awang Hamdi bin Haji Ibrahim.

Majlis ini merupakan projek tahunan sempena Maulidur Rasul yang dikendalikan oleh kumpulan tersebut yang ditubuhkan pada bulan Mei 2013.

KUMPULAN Bekas Penghuni Asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) Kemasukan 1960 - 1978 berjaya mengendalikan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



Sebar luaskan Tadabbur Al-Quran, Al-Hadis dalam kalangan masyarakat



ANTARA yang hadir pada Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadis bagi di Daerah Temburong yang dikendalikan oleh Penolong Profesor, Dr. Norashibah binti Haji Besar (atas dan kanan).

TEMBURONG, Sabtu, 21 September. - Dalam menyebarkan dan memberi pendedahan dalam kalangan

masyarakat di Negara Brunei Darussalam dengan Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadis, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin dan Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath dengan

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Abdul Azim @ Haji Mu'az Haji Tuoh

kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama memulakan Program Dakwah melalui Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadis secara serentak hari ini.

Di Temburong, program tersebut berlangsung di Masjid Kampung Batu Apoi, Temburong menjadi tumpuan pelaksanaan program berkenaan.

Antara lain isi program adalah bagi memperluaskan sasaran dakwah ke seluruh negara melalui masjid-masjid selain menyebarluaskan Tadabbur Al-Quran dan Al-Hadis dalam kalangan masyarakat awam di Negara Brunei Darussalam, di samping mengimarahkan masjid-masjid di negara ini melalui Tadabbur Al-Quran.

Program tersebut dikendalikan Penolong Profesor, Dr. Norashibah binti Haji Besar.

Antara matlamat program ini diadakan adalah untuk



memastikan syiar Islam berjalan di sesebuah tempat dan ia merupakan amalan terbaik dalam memberikan kefahaman yang betul kepada masyarakat terutamanya masyarakat yang kurang mendapat kemudahan untuk belajar secara formal mahupun non-formal.

IMBASAN MINGGUAN



MAJLIS Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut telah diadakan di Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

- Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

SUASANA Bengkel Lukisan Abstrak yang diadakan bersempena dengan Pameran Uciran Calak Brunei diadakan selama dua hari bertempat di Pusat Sejarah Brunei, di ibu negara.

- Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PERSEMPAHAN Dikir Marhaban beramai-ramai yang diadakan pada Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong bagi Tahun 1446 Hijrah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin

GOLONGAN kanak-kanak turut sama menyertai golongan dewasa pada Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, - Foto : Azmah Haji Ahad



SEORANG peserta yang beraksi pada salah satu pertandingan sempena Festival Olahraga Kanak-kanak Sekolah Rendah Tahun 2024 bagi Kluster 5 yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong. - Foto : Alishahrin Haji Mumin



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad



Utara Coast

WAWASAN Brunei 2035 merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dimanifestasikan bagi memastikan Negara Brunei Darussalam (NBD) menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, mempunyai kehidupan yang berkualiti serta ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035, segenap lapisan rakyat dan penduduk negara terus bersatu dan setia kepada raja dan negara berteraskan nilai-nilai murni yang diterapkan menerusi falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) demi menggapai hasrat sebuah negara maju yang terus relevan di persada serantau dan antarabangsa. Semua itu dapat dicapai melalui usaha transformasi ekonomi yang menjurus kepada usaha mempelbagaikan ekonomi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada industri minyak dan gas.

Perkembangan ekonomi negara memerlukan usaha padu untuk mempelbagaikan ekonomi negara secara menyeluruh di mana pembangunan sektor bukan minyak dan gas serta sektor minyak dan gas terus maju ke hadapan demi pembangunan negara yang mampan dalam menerajui arus perubahan serantau dan global.

Industri kafe berkembang pesat

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, industri kafe di NBD telah berkembang pesat, menawarkan pengalaman kopi yang setanding dengan standard antarabangsa. Oleh yang demikian, budaya minum kopinya dalam kalangan rakyat Brunei turut dilihat meningkat dengan begitu ketara. Amalan yang berkembang pesat ini, membuatkan terdetik di fikiran, inilah sebenarnya trend baharu generasi sekarang nampaknya begitu menggemari rasa nikmat pahit minuman itu.

Menemui seorang pemilik kafe secara home-based yang menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan dan rezekinya, Awang Md. Hazman bin Haji Md. Husin, 30 tahun, yang merupakan lulusan graduan Civil Engineering. Menurut beliau, lulusan tinggi bukan alasan untuk tidak mencebur ke bidang lain.

Pada awalnya ia hanyalah hobi semata-mata dan berdasarkan minat dalam pembuatan minuman untuk diri sendiri dan acara keluarga. Namun atas sokongan keluarga dan permintaan yang semakin bertambah, beliau memberanikan diri dan membuat keputusan untuk mencebur ke bidang perniagaan dengan membuka kafe di rumahnya berlokasi di No. 15, Simpang 51 - 15, Kampung Manggis Satu bermula Februari 2023.

Memulakan bisnes di rumah sebagai langkah pertama

Menurut Awang Hazman, selaku beliau, ianya adalah merupakan salah satu usaha beliau untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk tidak bergantung kepada pasaran pekerjaan sahaja. Melakukan uji kaji dengan menu-menu yang sedia ada dan melancarkan beberapa menu baharu yang menarik dalam kadar harga yang berpatutan.

Pelbagai jenis minuman panas dan sejuk terdiri daripada kopi, coklat dan matcha ditawarkan. Antara minuman signature Utara Coast ialah Hit-or-miss, Train to Osaka, Tropical Burst, Berry Matcha, Retro Candy dan Cimmerian Nebula dengan harga bermula BND4 hingga BND10. Selain daripada minuman beliau turut menjual biskut dan kek brownies.

Awang Hazman yang sebelum ini pernah bekerja sebagai barista di beberapa buah kafe sejak tahun 2016 hingga 2018, kemudiannya memilih untuk membuka kafe di rumah sebagai langkah pertama untuk belajar dalam mengambil pengalaman sebagai pemilik bisnes dan juga memandangkan bisnes ini tidak memerlukan

tempat yang luas.

"Antara kejayaan yang dapat saya lihat pada masa ini adalah pengubahsuaian kafe untuk memberi keselesaan dan pada masa yang sama dapat menampung lebih ramai pelanggan," ujar beliau yang mengurus bisnes ini sepenuh masa.

Saranan kepada belia

Awang Hazman dalam pada itu, turut mengajak lebih ramai belia di luar sana untuk tampil ke hadapan, meningkatkan potensi diri serta berani dan berusaha bagi merealisasikan impian dan kejayaan.

Sebagai belia, kita harus proaktif dan berpandangan jauh serta mempunyai keinginan untuk terus berusaha memajukan diri dan masyarakat di samping mempunyai idea-idea inovatif yang boleh mengubah landskap ekonomi dan sosial negara.

"Belia turut berperanan sebagai jentera dalam mendorong pertumbuhan ekonomi negara yang merupakan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035. Kita mempunyai kemampuan untuk melihat potensi masa hadapan selain merancang dan mengatur tindakan demi mencapai pembangunan mampan dan berperanan penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035," ujarnya lagi.



Hab Belia bantu lahirkan belia siap siaga, cemerlang masa depan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Jabatan Penerangan, infografik dari Instagram @hab.belia

PERKEMBANGAN belia di negara ini perlu terus diperkasa dalam usaha melahirkan lebih ramai generasi muda yang berkualiti dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Pembangunan dan pemerksaan golongan belia merupakan agenda penting ke arah melahirkan modal insan belia yang siaga masa depan dan cemerlang. Pendekatan senegara adalah sangat signifikan bagi memastikan apa jua perancangan dan program yang dilaksanakan adalah efektif, berimpak tinggi, serta menyumbang kepada pencapaian visi dan matlamat.

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015 pada Selasa, 1 September 2015 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, antara lain melahirkan rasa teruja dengan bertambahnya bilangan profesional, usahawan, karyawan dan tenaga mahir dalam kalangan para belia tempatan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda juga merasa bangga dapat menyaksikan belia-belia itu sudah mula menceburkan diri di bidang-bidang yang kurang diminati, seperti bidang bertanam padi dan membuat kerja-kerja lasak seperti memandu kenderaan berat dan scaffolding.

"Demikian juga, golongan belia juga telah mula terlibat menerokai bidang-bidang baharu, seperti bidang industri kreatif, dan juga tidak ketinggalan untuk mencebur pasaran luar negara. Kaum belia, didapati aktif melakukan kerja-kerja amal atau sukarela, dan ini, bukan saja dilakukan di dalam negara malahan juga di luar negara dan semua itu amatlah membanggakan kita."

Kaum belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara yang bermanfaat, terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau sanggup membuat kerja-kerja lasak, seperti turun ke sawah di bawah panas matahari dan lain-lain kerana ini semua sangatlah berguna kepada belia, selaku ejen masyarakat," titah baginda.

Hab Belia Brunei

Pada 7 Ogos 2024 lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melancarkan media sosial Instagram Hab Belia (@hab.belia) semasa Pameran Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-19, tahun 2024 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Hab Belia Brunei merupakan inisiatif pelaksanaan konsep bagi membarigakan program dan aktiviti kebeliaan yang mensasarkan golongan belia di Negara Brunei Darussalam. Platform tersebut adalah merupakan satu kolaborasi di antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Imagine Sdn. Bhd. sebagai rakan bagi membarigakan program dan aktiviti kebeliaan.

Platform Instagram Hab Belia merupakan satu inisiatif KKBS bagi membarigakan semua aktiviti sesama kebeliaan di bawah KKBS kepada orang ramai khususnya kepada golongan belia untuk mencapai jaringan yang lebih luas dan komprehensif. Ia juga merupakan satu platform untuk menarik lebih banyak penyertaan golongan sasaran terutama belia untuk mengikuti apa jua program kebeliaan di bawah KKBS dan ruang untuk berkomunikasi serta pertukaran idea sesama para belia.

Objektif utama Hab Belia Brunei

Antara objektif utama @hab.belia ialah bagi menyalurkan maklumat rasmi mengenai aktiviti kebeliaan di peringkat daerah, kebangsaan dan antarabangsa. Di samping itu, ianya juga bertujuan untuk mewujudkan pengikut yang aktif dalam inisiatif meningkatkan penglibatan belia dalam akitiviti-aktiviti yang dikendalikan secara inklusif.

Pengisian @hab.belia adalah untuk mengongsikan program dan aktiviti yang akan diadakan, termasuk podcast dan siaran langsung (*live streaming*) iaitu temu bual bersama para belia dalam pelbagai bidang yang diceburi; termasuk yang telah mencapai kejayaan sama ada di dalam atau di luar negara.

Harapan

Dengan adanya inisiatif ini, ia diharap akan dapat mendedahkan kepada orang ramai khususnya para belia untuk menyertai lebih banyak aktiviti dan program kebeliaan sekali gus melibatkan generasi belia untuk menyumbang ke arah pembangunan belia di negara ini. Orang ramai khususnya kepada golongan belia bolehlah melayari dan mengikuti Instagram @hab.belia bagi mengetahui lebih banyak maklumat dan aktiviti dan program terkini sektor kebeliaan.



250KG SAMPAH BERJAYA DIKUMPUL



ANTARA yang menyertai Kempen Membersihkan Pantai, iaitu World Clean-Up Day 2024 : Plastic Tide Turners dan International Day of Peace 2024 bertempat di Pantai Perangan Sungai Liang, Kampung Sungai Liang.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BELAIT, Ahad, 22 September. - Bertepatan dengan Sambutan Hari Pembersihan Sedunia (World Clean Up Day) dan Hari Kedamaian Antarabangsa (International Day of Peace) 2024 yang disambut bersama jutaan penduduk dunia pada setiap 21 September, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) turut mengambil inisiatif melalui Persatuan Pengakap Daerah Belait menganjurkan kegiatan Kempen Membersihkan Pantai, iaitu World Clean-Up Day 2024 : Plastic Tide Turners dan International Day of Peace 2024 bertempat di Pantai Perangan Sungai Liang, Kampung Sungai Liang, di sini.

Program kempen pembersihan dan kedamaian berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Mohammad Haszrin bin Bagol sebagai tetamu kehormat majlis.

Pada tahun ini, Persatuan

Pengakap Daerah Belait dipilih sebagai tuan rumah bagi menganjurkan program berkenaan, yang telah melibatkan seramai 350 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli pengakap daripada keempat-empat daerah serta sukarelawan daripada komuniti setempat.

Program berkenaan merupakan sebahagian daripada komitmen PPNBD dalam menyokong Pelan Pembangunan Mampan (Sustainable Development Plan), khususnya dalam mencapai beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan juga Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia (World Organisation of the Scout Movement).

Melalui aktiviti kempen pembersihan pantai berkenaan, PPNBD memberi penekanan terhadap kesedaran dan

kepentingan menjaga alam sekitar, serta menyokong pelbagai inisiatif SDG yang relevan, termasuk SDG 6 : Air bersih dan sanitasi, iaitu dengan adanya acara pembersihan pantai berkenaan menyumbang kepada pembersihan pantai dengan mengurangkan pencemaran sisa plastik dan bahan-bahan pencemar lain yang boleh mencemari sumber air laut. Ini selaras dengan matlamat SDG 6 untuk memastikan akses kepada air bersih dan sanitasi yang berkualiti.

Manakala, SDG 13 : Tindakan terhadap perubahan iklim, iaitu dengan mengurangkan sisa plastik dan pencemaran di kawasan pantai, acara berkenaan membantu mengurangkan kesan perubahan iklim. Pembersihan pantai membantu mengurangkan pelepasan karbon melalui pengurusan sisa yang lebih baik, sejajar dengan tindakan segera terhadap perubahan iklim yang digariskan dalam SDG 13.

Sementara, SDG 14 : Kehidupan di bawah air, iaitu matlamat SDG

14 adalah untuk melindungi dan memulihara ekosistem laut. Pembersihan pantai memainkan peranan penting dalam menjaga kesihatan laut dengan mengurangkan pencemaran yang boleh membahayakan kehidupan marin seperti penyu dan ikan. Ini selaras dengan usaha global untuk mengekalkan biodiversiti laut.

Manakala SDG 15 : Kehidupan di darat pula menekankan pembersihan pantai juga mampu melindungi kawasan darat berhampiran pantai. Pengurangan sampah membantu dalam mengekalkan ekosistem darat seperti hutan paya bakau yang terancam akibat pencemaran plastik dan sisa. Aktiviti berkenaan menyokong SDG 15 dalam memelihara ekosistem daratan dan melahirkan biodiversiti.

Sementara SDG 17 : Perkongsian untuk mencapai matlamat, iaitu acara berkenaan juga menjadi platform kerjasama antara organisasi kerajaan,

organisasi bukan kerajaan (NGO), Pengakap, dan komuniti setempat, yang mencerminkan matlamat SDG 17 untuk mengukuhkan cara pelaksanaan dan memperkuuh kerjasama global. Penglibatan pelbagai pihak dalam aktiviti berkenaan menekankan kepentingan usaha bersama untuk mencapai pembangunan lestari.

Melalui penyertaan dalam World Clean-Up Day 2024 : Plastic Tide Turners dan International Day of Peace berkenaan, PPNBD berharap dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan ahli-ahli pengakap dan komuniti mengenai pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar dan memelihara warisan alam untuk generasi akan datang. Juga kepentingan dan kesedaran untuk menjaga kebersihan pantai daripada sebarang sisa plastik yang dihanyutkan oleh ombak ke daratan pantai.

Turut hadir sama menjaya program berkenaan ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap, Penolong-penolong Pemimpin Pengakap, serta ahli-ahli Pengakap Tunas, Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana serta Orang-orang Dewasa di dalam Pengakap juga penglibatan daripada penduduk setempat, EcoNinja Brunei dan persatuan belia.

Di akhir kempen pembersihan yang dijalankan, peserta kempen bergambar ramai sambil memegang pledge World Clean Up Day dan International Day of Peace 2024 dengan hasil kutipan seberat 250 kilogram berupa botol-botol plastik, container plastik bekas makanan, jaring menangkap ikan yang putus serta pelbagai jenis sampah yang dihanyutkan oleh ombak hingga terdampar di pantai berkenaan.

Operasi bersepadu pastikan peniaga patuhi Akta Kawalan Harga



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Dalam usaha bagi memastikan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya serta Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian

Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan operasi bersepadu ke atas premis-premis perniagaan di Daerah Temburong baru-baru ini.

Operasi berkenaan melibatkan empat buah premis perniagaan di kawasan Bangar, Sungai Tanit dan Kampung Amo dengan hasil pemeriksaan mendapat kesemua premis-premis perniagaan yang diperiksa telah mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di

mana barang yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula, tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan, dan barang yang dijual di dalam premis perniagaan telah dibubuh tanda harga dengan jelas dan betul.

Sementara itu, Unit SDT mendapat sebanyak sembilan unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan aktiviti jual beli. Satu unit daripadanya didapati melanggar Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan, 1994 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang diberikan.

Pihak syarikat telah dikeluarkan Notis Penyitaan dan dikehendaki hadir ke pejabat Unit SDT dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan untuk memperbetulkan isu tersebut. Alat berkenaan telah disita.

JPES dan Unit SDT mengingatkan para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara beretika dan wajar dengan sentiasa memastikan barang yang dikawal harga tidak dijual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan barang yang dijual dipamerkan tanda harga yang jelas serta tidak mengelirukan pengguna.



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa menjalankan operasi bersepadu di kawasan Daerah Temburong (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Para peniaga juga diingatkan untuk memastikan alat sukat dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli yang melibatkan antara lainnya tanda berat dan isi padu, adalah berdaftar dengan Unit SDT dengan tempoh pendaftaran yang masih sah.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui Akta

Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan ii. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn.

KETUA PBB SERU MULTILATERALISME 'LEBIH INKLUSIF' UNTUK TANGANI CABARAN

WASHINGTON, 22 Sept. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Sabtu berkata bahawa multilateralisme yang "lebih inklusif" diperlukan untuk menangani cabaran semasa.

"Kita menyaksikan institusi multilateral kita semakin uzur - tidak mampu menangani cabaran masa kini, apatah lagi cabaran masa depan," kata Guterres pada pembukaan Summit of the

Future's Action Days, lapor Agensi Anadolu.

Beliau berkata dunia kini berdepan cabaran dan perpecahan akibat konflik dan ketidaksamaan, terancam oleh iklim serta teknologi yang tidak dikawal.

"Kita memerlukan multilateralisme yang lebih inklusif, lebih berkesan dan lebih terjalin untuk hubungan lebih kukuh antara institusi antarabangsa serta dengan masyarakat.

"Ini bermakna lebih banyak wakil daripada negara membangun, dan suara yang lebih kuat untuk anda semua dan apa yang anda wakili," katanya.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan memikul tanggungjawab utama.

"Kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah global hari ini tanpa sumbangan daripada seluruh lapisan masyarakat," katanya.

Multilateralisme baharu tidak akan terbentuk dalam sehari atau oleh kerajaan semata-mata, kata Guterres.

"Ia akan dipacu dan diteruskan oleh anda semua dan kumpulan



yang anda wakili. Kita berjuang untuk cita-cita. Kini, mari kita berjuang untuk bertindak," katanya.

- ©BERNAMA

Keselamatan tenaga jadi isu kritikal di Asia Tenggara - ERIA

PHNOM PENH, 22 Sept. - Kebimbangan terus membenggu semua negara di Asia Tenggara dan pengabaian keselamatan tenaga yang berpanjangan boleh menjelaskan kisah kejayaan ekonomi rantau ini yang dirangka ASEAN selama bertahun-tahun.

Dari Laos, Myanmar hingga Filipina, masalah kekurangan bekalan elektrik dan akses yang terhad terutamanya di kawasan luar bandar terus menghantui penduduk.

Sekolah dan pusat kesihatan sering berdepan gangguan bekalan tenaga yang membantutkan operasi harian.

"Penurunan tahap keselamatan tenaga membawa risiko yang ketara, bukan sahaja kepada kestabilan ekonomi tetapi juga kepada perpaduan sosial dalam negara-negara ini.

"Adalah penting bagi ASEAN mengambil tindakan tegas untuk meningkatkan infrastruktur tenaga, mempelbagaikan sumber tenaga dan melabur dalam teknologi tenaga boleh diperbaharui," kata Pakar Ekonomi Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA), Dr. Han Phoumin yang berpangkalan di Jakarta, kepada Bernama menerusi e-mel.

Dengan populasi hampir 670 juta, rantau ini mengalami perkembangan ekonomi pesat hasil daripada pemodenan dan perindustrian, hingga menyaksikan permintaan terhadap tenaga dengan drastik.

Laporan Tinjauan Tenaga ASEAN ketujuh mengunjurkan bahawa permintaan tenaga akan meningkat sebanyak 23 peratus menjelang 2025, daripada 385 juta tan setara

minyak (Mtoe) pada tahun 2020 kepada 473.1 Mtoe.

Menjelang 2050, permintaan tenaga dijangka meningkat tiga kali ganda dan tanpa perubahan dasar, bahan api fosil akan terus mendominasi sektor ini.

Kekurangan bekalan elektrik dan akses terhad masih menjadi masalah utama di kawasan bandar dan luar bandar di negara-negara ASEAN yang sedang membangun, menjadikan isu keselamatan tenaga semakin mendesak.

"Semua negara termasuk ASEAN, berdepan cabaran besar dalam memastikan keselamatan tenaga, kebolehcapaian dan harga.

"Bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat sambil mengurangkan pelepasan gas rumah hijau GHG (Protokol Gas Rumah Hijau), ASEAN memerlukan pelaburan besar dalam kapasiti penjanaan tenaga, termasuk tenaga boleh diperbaharui dan pengembangan sistem kuasa," kata Dr. Han.

ASEAN juga menghadapi dilema dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dengan pengeluaran tenaga mampan, terutama ketika perubahan iklim semakin menjelaskan ekonomi dan kehidupan luar bandar.

Penjanaan tenaga daripada arang batu dan gas yang tidak mesra alam, dijangka terus menyumbang lebih 40 peratus daripada campuran tenaga sehingga 2050, terutamanya kerana usia loji janakuasa arang batu di Asia Tenggara masih baru, kata Dr. Han.

"Menyedari banyak negara ASEAN dijangka terus bergantung kepada bahan api fosil untuk masa

hadapan, adalah penting untuk mempercepatkan penggunaan teknologi memerangkap atau 'carbon capture', penggunaan, dan penyimpanan karbon, serta mempercepatkan penerapan tenaga boleh diperbaharui dan 'negative carbon technologies' di seluruh ASEAN," katanya.

Negara-negara ASEAN mempunyai potensi besar dalam sumber tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar dan angin, yang boleh digunakan untuk membangunkan sistem tenaga yang berdaya tahan dan mampan.

"Penjanaan kuasa daripada hidro, solar PV, angin, dan biojisim di ASEAN dapat dipermudah melalui kesalinghubungan dan perdagangan tenaga masa depan di rantau ini," katanya.

Dr. Han turut menekankan kepentingan mempercepatkan pembiayaan tenaga untuk memastikan Negara-negara ASEAN mempunyai dana yang mencukupi untuk menyokong peralihan tenaga mereka.

Pembiayaan masih menjadi isu kritis bagi teknologi bersih yang baru muncul.

Sementara itu, pakar-pakar tenaga akan berkumpul di Vientiane minggu ini untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa ASEAN mengenai Tenaga dan Alam Sekitar keempat, ketika Laos sedang pulih daripada kesan buruk Taufan Yagi yang melanda awal September.

Lebih 500 orang terkorban di Laos, Myanmar, dan Viet Nam, manakala infrastruktur telekomunikasi serta bekalan elektrik rosak teruk akibat taufan itu. - ©BERNAMA

COLOMBO, 22 Sept. - Sri Lanka melanjutkan perintah berkurung yang dikenakan di negara itu sehingga tengah hari Ahad, lapor Xinhua memetik kenyataan Menteri Keselamatan Awam, Tiran Alles.

Perintah berkurung mula dikuatkuasakan di Sri Lanka dari 10 malam Sabtu sehingga 6 pagi Ahad, menurut kenyataan polis.

Polis menyatakan bahawa walaupun keadaan di negara itu aman, keputusan untuk mengenakan perintah berkurung diambil bagi memastikan keselamatan rakyat lebih terjamin.

Proses pengundian pilhan raya presiden di Sri Lanka bermula pada 7 pagi waktu tempatan Sabtu dan berakhir pada 4 petang hari yang sama.

Proses pengiraan undi masih berjalan setakat pagi Ahad. - ©BERNAMA

Kanada umum sokongan baharu untuk pembasmian polio global

OTTAWA, 21 Sept. - Kerajaan persekutuan Kanada pada Jumaat mengumumkan pembiayaan baharu bagi usaha pembasmian polio di seluruh dunia, lapor Xinhua.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Global Affairs Canada, sejumlah 151 juta dolar Kanada (US\$111 juta) diperuntukkan untuk menyokong Inisiatif Pembasmian Polio Sedunia (GPEI), menjadikan sumbangan Kanada melebihi 1 bilion dolar Kanada (US\$737 juta) sejak 2000.

GPEI serta rakan kongsi seperti Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan menyediakan dan memperluas perkhidmatan imunisasi polio berkualiti dan boleh diakses di seluruh dunia termasuk di kawasan yang terjejas oleh konflik, di mana terdapat akses yang terhad atau tiada akses langsung kepada perkhidmatan kesihatan asas.

Usaha ini akan memberi tumpuan kepada menghentikan penularan semua bentuk virus polio dengan memberi suntikan vaksin kepada lebih 370 juta kanak-kanak setiap tahun.

Polio adalah penyakit virus yang sangat berjangkit yang menjelaskan kanak-kanak di bawah usia lima tahun dan boleh menyebabkan lumpuh serta kematian.

Sejak pelancaran GPEI pada 1988, lebih 2.5 bilion kanak-kanak diberi imunisasi terhadap polio.

Walaupun kes polio menurun sebanyak 99 peratus di seluruh dunia, penyakit ini masih belum dapat dibasmi sepenuhnya.

Pada Ogos 2024, Semenanjung Gaza merekodkan kes polio pertama selepas 25 tahun bebas wabak itu. - ©BERNAMA

Pilihan raya Presiden Sri Lanka bermula

COLOMBO, 21 Sept. - Pilihan raya Presiden di Sri Lanka bermula pada Sabtu, dengan lebih 17 juta pengundi berdaftar akan memilih presiden baharu untuk tempoh lima tahun akan datang, lapor Xinhua.

Seramai 38 calon bertanding dalam pilihan raya presiden tahun ini termasuk Ranil Wickremesinghe, Sajith Premadasa dari parti pembangkang Samagi Jana Balawega (SJB) dan Anura Kumara Dissanayake dari Kuasa Rakyat Negara (NPP).

Lebih 13,000 pusat mengundi dibuka pada 7 pagi waktu tempatan dan akan ditutup pada 4 petang Sabtu.

Seorang calon perlu memperoleh lebih 50 peratus undi untuk memenangi pilihan raya. Jika tiada calon memperoleh majoriti sedemikian, ia boleh membawa kepada pengiraan undi pusingan penentuan, di mana pilihan kedua atau ketiga pengundi dikira sebagai dua calon teratas.

Gotabaya Rajapaksa, yang memenangi pilihan raya presiden pada November 2019 meletak jawatan pada Julai 2022 di tengah-tengah krisis ekonomi yang teruk di negara itu.

Wickremesinghe dipilih sebagai presiden dalam pilihan raya yang diadakan di parlimen susulan peletakan jawatan Rajapaksa. - ©BERNAMA

ARFF raikan 15 tahun kecemerlangan

KUALA LUMPUR, 21 Sept. - Persekutuan Rantaian Runcit dan Francais ASEAN (ARFF) pada malam Jumaat meraikan ulang tahunnya yang ke-15 dengan sambutan gemilang, menandakan pencapaian cemerlang dan sumbangan luar biasa dalam pasaran ASEAN selama lebih satu dekad.

Majlis makan malam itu dihadiri bekas Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang juga penaung ARFF serta Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akbar Khan.

Malam itu menjadi platform untuk meraikan, mengiktiraf dan membina jaringan untuk para pemimpin industri utama, tetamu kehormat dan penerima anugerah.

Antara acara utama majlis itu ialah upacara perlantikan ahli-ahli majlis baharu ARFF untuk penggal 2024-2026.

Acara itu bukan sahaja memperkenalkan ahli majlis baharu tetapi juga merangka peranan penting mereka dalam memimpin ARFF ke arah pertumbuhan industri serta memperkuuh kerjasama dalam kalangan sektor runcit dan francais ASEAN.

Ismail Sabri berkata bahawa ARFF berkembang dengan pesat sejak penubuhannya pada 2008.

Presiden ARFF, Datuk Seri Mike Loh berkata, sejak penubuhannya, ARFF kekal teguh dalam komitmennya untuk memajukan industri rantaian runcit dan francais.

"Visi utama di sebalik misi

ARFF adalah untuk mengangkat negara-negara ASEAN melebihi sekadar lokasi geografi, bertujuan membina kuasa serantau dinamik yang menjadi hab utama untuk perdagangan, budaya, sumber, dan kepkaran," katanya.

Acara itu turut diserikan dengan majlis penyampaian Anugerah Perniagaan Terbilang ASEAN yang berprestij, menghargai perniagaan yang menunjukkan prestasi cemerlang dan memberi sumbangan besar kepada pasaran ASEAN.

ARFF ditubuhkan pada 2008 untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor rantaian runcit dan francais serta membangunkan peluang perdagangan di seluruh rantaui ASEAN dan seterusnya.

- ©BERNAMA

KASUKA AR-RAWDA JULANG PIALA FUTSAL KEPUTERAAN 2024



RIMBA, Ahad, 22 September. - Pasukan Kasuka Ar-Rawda berjaya menjulang Piala Futsal Keputeraan 2024 selepas membenam pasukan Deli Kota Meja dengan jaringan 2 - 0 pada perlawanan akhir di Dewan Tertutup Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Pasukan Kasuka Ar-Rawda yang menjadi pasukan penyandang

Berita dan Foto : Ihsan Jawatankuasa Futsal Piala Keputeraan 2024

juara pada edisi lalu, berpuas hati mengekalkan kejuaraan dengan membawa pulang Piala Rebutan dan Piala Juara serta hadiah sebanyak BND3,000 dan pingat.

Kecemerlangan pasukan Kasuka Ar-Rawda turut diceriakan dengan kejayaan penjaga golnya, Abdul Azim bin Abdul Rahman yang dipilih menjadi penjaga Gol Terbaik kejohanan.

Sementara itu, pasukan Deli Kota Meja menerima hadiah sebanyak BND2,000, piala dan pingat dan pasukan Arbisham FC yang menduduki di tangga ketiga meraih hadiah sebanyak BND1,000, piala dan pingat.

Abol Fazl Manouel, penyerang pantas pasukan Deli Kota Meja

dianugerahkan pemain Terbaik peringkat akhir kejohanan.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Setiausaha Kejohanan Futsal Keputeraan 2024, Awang Shazuan Abd Sani.

Kejohanan Futsal Piala Keputeraan 2024 telah disertai oleh 24 pasukan tempatan termasuk pasukan elit dari Sabah dan Sarawak yang dibahagikan kepada empat kumpulan.

Kejohanan dwi tahunan ini menjadi salah satu acara bagi memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun.

Pasukan Bola Lesut negara beraksi cemerlang

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Pasukan Bola Lesut Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 September. - Pasukan Bola Lesut Lelaki Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei) beraksi dengan cemerlang sekali gus berjaya melangkah ke peringkat akhir pada Kejohanan Asia Softball Masters 2024 yang berlangsung di Padang Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, di Kuantan, Pahang.

Pada peringkat akhir yang akan berlangsung pada Ahad, 22 September 2024, Brunei akan menentang pasukan Kobra dari Indonesia bagi merebut tempat pertama.

Dari lima perlawanan yang diadakan, Brunei berjaya memenangi empat perlawanan setelah menewaskan pasukan SG Masters dari Singapura 5 - 0; 17 - 2 ke atas pasukan Nice dari Thailand; 1 - 0 ke atas pasukan Kobra; dan 9 - 2 ke atas pasukan

MY Masters dari Malaysia.

Brunei hanya tewas dalam satu perlawanan iaitu menentang Hong Kong dengan mendapat 1 - 2 mata.

Sementara itu, Pasukan Bola Lesut Wanita Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (Brunei Ladies) turut memperkenalkan kehebatan mereka setelah menewaskan pasukan Angels dari Thailand 3 - 2; 10 - 1 ke atas HK Ladies; 7 - 0 ke atas pasukan MY Ladies dari Malaysia; 5 - 3 ke atas pasukan Jepun; dan kalah 0-19 ke atas Kobra Sisters dari Indonesia.

Perlawanan seterusnya akan menyaksikan Brunei Ladies menentang SG Queens.

Kejohanan Asia Softball Masters 2024 yang diadakan selama empat hari bermula 19 hingga 22 September 2024, disertai sebanyak enam pasukan lelaki iaitu Brunei Masters, Hong Kong, Kobra dari Indonesia, MY Masters

SETIAUSAHA Kejohanan Futsal Keputeraan 2024, Awang Shazuan Abd Sani semasa menyampaikan Piala Rebutan dan Piala Juara serta hadiah sebanyak BND3,000 dan pingat kepada johan, pasukan Kasuka Ar-Rawda.



PASUKAN Bola Lesut Lelaki Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berjaya melangkah ke peringkat akhir pada Kejohanan Asia Softball Masters 2024 yang berlangsung di Padang Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, di Kuantan, Pahang.

dari Malaysia, SG Masters dari Singapura, dan Nice dari Thailand. Manakala tujuh pasukan wanita

turut serta pada kejohanan itu iaitu Brunei Ladies, Japan, SG Queen dari Singapura, Kobra Sisters dari

Indonesia, Angels dari Thailand, HK Ladies dari Hong Kong, dan MY Ladies dari Malaysia.

Perlawanan badminton persahabatan satukan semangat serumpun

Berita dan Foto : Ihsan Nasrul Hafizan



MIRI, Ahad, 22 September. - T5 Brunei telah mengadakan perlawanan badminton persahabatan dengan Persatuan Badminton Dangsanak Miri Limbang yang mana kemenangan berpihak kepada T5 Brunei.

Perlawanan ini adalah yang julung kali diadakan bagi kedua belah pihak untuk menyatukan lagi semangat serumpun khususnya di wilayah Borneo.

Objektif utama perlawanan persahabatan ini diadakan adalah untuk mengeratkan lagi ukhuwah dalam kekeluargaan dan semangat sukan melalui sukan bulu tangkis sekali gus menyahut hubungan kesukanan khususnya di wilayah Borneo sendiri.

T5 Brunei mengadakan perlawanan badminton persahabatan dengan Persatuan Badminton Dangsanak Miri Limbang.



ePaper Pelita Brunei



KEJOHANAN DUNIA WUSHU REMAJA KE-9 BERMULA 25 SEPTEMBER



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir selaku tetamu kehormat pada Sidang Media bagi Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024 yang akan berlangsung bermula 25 hingga 29 September 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB) dan Dewan Serbaguna, KSNHB.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 September. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persekutuan Wushu Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024 yang akan berlangsung bermula 25 hingga 29 September 2024 bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB) dan Dewan Serbaguna, KSNHB.

Sehubungan itu, satu sesi Sidang Media mengenai kejohanan tersebut diadakan di

Bilik VIP, Tingkat I, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dikepalai oleh Pegawai Penganalisa Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad Yaardi bin Haji Abdul Karim, diikuti dengan ucapan aluan daripada Pengerusi Bersama Eksekutif Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024, Awang Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman dan ucapan daripada Setiausaha Agung Persekutuan Wushu Antarabangsa

(International Wushu Federation - IWUF), Zhang Qiuping.

Acara turut menyaksikan tayangan video bagi lagu tema Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024.

Setiausaha Agung Eksekutif Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024, Ang Ju Ming telah mengongsikan maklumat-maklumat mengenai Kejohanan Dunia Wushu Remaja Ke-9, 2024 pada sesi media tersebut.

Sebanyak dua kategori akan dipertandingkan iaitu acara Taolu yang akan diadakan di Stadium Tertutup, KSNHB dan acara Sanda akan berlangsung di Dewan

Serbaguna, KSNHB.

Pada tahun ini, seramai 931 orang yang terdiri daripada 507 atlet, 220 pegawai pasukan dan 204 pegawai teknikal dan pemerhati dari 50 negara akan menyertai kejohanan tersebut.

Negara-negara yang ikut serta ialah Algeria, Armenia, Australia, Belgium, Benin, Brazil, Bulgaria, Kanada, Republik Rakyat China, Czechia, Egypt, Perancis, Great Britain, Georgia, Jerman, Hong Kong, Indonesia, India, Republik Islam Iran, Iraq, Itali, Jepun, Jordan, Kazakhstan, Republik Korea, Kuwait, Republik Rakyat Laos, Lebanon, Lithuania, Macao, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Palestin, Portugal, Romania, Senegal, Singapura, Sri Lanka, Switzerland, Turkmenistan, Chinese Taipei, Tunisia, Turkiye, Ukraine, Amerika Syarikat, Uzbekistan, Viet Nam dan Negara Brunei Darussalam (NBD) selaku penganjur Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9.

Majlis turut menyaksikan tayangan video pelancangan oleh atlet wushu NBD dan diteruskan dengan sesi soal jawab bersama pihak media.

Kemudian acara diselanjurkan dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para penaja oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ke-9 ialah acara kejohanan dunia rasmi yang dianjurkan oleh IWUF.

Kejohanan Wushu Remaja Dunia berlangsung setiap dua tahun dan merupakan kejohanan remaja kemuncak rasmi IWUF dan menampilkan tahap daya saing tertinggi dalam kalangan atlet remajanya.

Skuad B-20 negara berlepas ke Thailand sertai Kelayakan Piala Asia

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Md. Noor / Morshidi

BERAKAS, Ahad, 22 September.

- Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Bawah 20 Tahun (B-20) Brunei Darussalam berlepas ke Thailand hari ini untuk bertanding dalam Kelayakan Piala Asia B-20 Konfederasi Bolasepak Asia (AFC).

Skuad B-20 Brunei diiringi oleh Pegawai Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berlayar ialah Sekretariat Pejabat Presiden FABD, Hazim Hamzah.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan B-20 Tahun Brunei Darussalam berentap dalam Kumpulan 'H', bersaing dengan Iraq, Thailand dan Filipina untuk merebut kelayakan.

Kesemua perlawanan yang dijadualkan bermula dari 25

hingga 29 September 2024 akan berlangsung di Stadium Bandar Buriram, Thailand.

Perlawanan pertama Brunei menentang Iraq akan berlangsung pada 25 September 2024 ini. Brunei seterusnya akan menentang negara tuan rumah Thailand yang dijadualkan pada 27 September 2024 dan Filipina pada 29 September 2024 nanti.

Ketibaan mereka di Thailand menandakan permulaan kempen penting dalam Kelayakan Piala Asia B-20 AFC.

Pasukan B-20 Brunei dipimpin oleh staf kejurulatihan berdedikasi serta FABD, yang telah menjalani persiapan intensif untuk memastikan mereka bersedia untuk kejohanan penting ini.

Dalam pada itu, FABD menggalakkan seluruh negara



PASUKAN Bola Sepak Kebangsaan Bawah 20 Tahun (B-20) Brunei Darussalam berlepas ke Thailand untuk bertanding dalam Kelayakan Piala Asia B-20 Konfederasi Bolasepak Asia (AFC).

untuk memberi sokongan kepada pasukan ketika mereka berusaha mencipta sejarah dalam

kejohanan yang berprestij ini.

Ikuti perkembangan perlawanan dan sokong skuad

B-20 Brunei Darussalam dalam mengejar matlamat mereka di pentas antarabangsa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HARGAI KOMITMEN, DEDIKASI GURU MENDIDIK ANAK BANGSA